

CREATE



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Oktober - Disember 2009

Untuk menjadi universiti pilihan pertama,
bertaraf dunia dan berjenama



.....Sultan Ahmad Shah merupakan seorang Raja, pembina dan jurutera yang membawa nikmat pembangunan dan kemajuan amat bernilai kepada negeri Pahang Darul Makmur sepanjang 35 tahun pemerintahan baginda.

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



.....untuk berjaya dalam persaingan untuk meletakkannya di kedudukan yang baik ialah kekuatan dan keunikan tenaga pengajarnya, di samping kemudahan-kemudahan pembelajaran yang holistik.



Aspiring To Be The First Choice, World Class And Branded University

Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel : (+069) 549 2501 Fax : (+069) 549 3199 e-Mail : pro@ump.edu.my

www.ump.edu.my



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR3811

Status Institution

OHSAS 18001:1999
Cert. No. 0-003/07

Sidang Editorial

PENAUNG

Yang Hormat Profesor Dato' Dr.
Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA MELAYU)

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA INGGERIS)

Nor Yazi Khamis
nyazi@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Nadzariah Mohamed
nadzariahmd@ump.edu.my

Arman A. Rahim
arman@ump.edu.my

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Nuraklimah Roseli
aklimah@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiaishah@ump.edu.my

Nadira Hana Ab Hamid
nadira@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Mohd. Rozmillah Othman
rozmillah@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my



PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah
mohdzulkifly@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatul Azlin Abd Aziz
hafizatul@ump.edu.my

Norhafizah Fadzillah
nhafizah@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Buletin CREATE diterbitkan empat kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuh raya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 3184
Faks : 09-549 3199
e-Mel : create@ump.edu.my

Dari Meja Ketua Editor

2009 – UMP terus gemilang di minda warganya

Salam 1 Malaysia dan salam 1 UMP buat pembaca semua.

Masa berlalu begitu cepat sekali. Pejam celik rupanya kini kita telahpun tiba di penghujung tahun 2009. Apa lagi yang perlu diucapkan selain selamat tinggal tetapi sebelum itu sudah ke kita melihat pencapaian kita yang diperoleh sepanjang tahun ini? Tahun baharu menjelma lagi. Selain daripada umur yang sudah meningkat, kita mungkin terkenang apakah kejayaan yang telah kita kecapai sepanjang tahun 2009. Kalau azam 2009 sudah tercapai, Alhamdulillah. Kita bersyukur. Namun jangan hanya bersyukur, perlu juga difikirkan bagaimana kejayaan itu boleh diulangi. Jika ia tidak boleh diulangi, ia akan jadi kejayaan 'tidak sengaja'. Kejayaan tidak sengaja selalunya tidak kekal dan jarang dapat dinikmati dalam jangka masa yang panjang.

Alhamdulillah, sebelum tahun 2009 berakhir, Sidang Editorial *Create* sekali lagi telah dapat menerbitkan *Create* Oktober-Disember bagi penutup kepada tahun 2009. Sesungguhnya keluaran ini yang menjadi saksi kepada berakhirnya diari tahun 2009 yang banyak sekali menuntut kita untuk lebih bekerja keras supaya kita mampu meneruskan tradisi *Create* untuk tahun yang berikutnya. Keluaran terakhir *Create* bagi tahun ini amat mengujakan sekali kerana dalam mengejar kekangan tugasan masing-masing, Sidang Editorial *Create* masih lagi sempat memberi sedikit nafas dan keringat yang tidak terhingga bagi merealisasikan buletin *Create* yang terbaik sepanjang tahun 2009. Alhamdulillah juga berkat kerjasama *team Create*, segala kegetiran dapat di atasi. Malah komitmen yang ditunjukkan oleh mereka yang baharu menyertai *Create* juga tidak kurang hebatnya. Masing-masing mempunyai keistimewaan tersendiri. Gandingan orang baharu dan lama bersama *team work* yang jitu adalah kunci kejayaan *Create* pada hari ini.

Walaupun pelbagai detik manis yang kita lalui pada tahun 2009, namun kita harus meninggalkannya jua. Biarlah semua detik manis ini terakam dalam ingatan kita kerana tahun baru yang bakal menjelang ini akan dinanti dengan penuh harapan agar ia menjadi tahun yang lebih bermakna berbanding tahun sebelumnya. Begitu jua dengan Sidang Editorial *Create* yang mengharapakan lembaran baru yang bakal menjelang ini akan memberi suntikan semangat baharu agar dapat terus berkarya bagi memastikan *Create* tetap menjadi buletin pertama di UMP.

Mengimbu kembali peristiwa 2009 yang baharu sahaja melabuhkan tirainya, pastinya banyak kenangan yang terpahat. Salah satu darinya ialah penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dalam Majlis Konvokesyen Komemoratif & Konvokesyen Ke-4. Saat yang cukup bermakna ini merakamkan penghargaan buat KDYMM Sultan Pahang di atas jasa dan sumbangan baginda dalam pembangunan Negeri Pahang Darul Makmur.

Penutup tahun 2009 juga sempat merakamkan detik bermakna antara UMP dan Perodua dalam satu majlis bersejarah yang menyaksikan penyerahan 13 buah robot untuk kegunaan para pelajar UMP. Majlis Penyerahan Industri Robot memperlihatkan satu jalinan kerjasama strategik buat kedua-dua belah pihak seperti mana yang terkandung dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pembaca yang setia dan teruslah menyokong *Create* yang mencanang kegemilangan UMP dalam usaha melahirkan UMP menjadi pilihan pertama, bertaraf dunia dan berjenama. Tidak lupa juga diucapkan selamat berkarya kepada Sidang Editorial *Create* dalam membuka lembaran baharu tahun 2010 yang pastinya menuntut masa serta idea baharu untuk dimuatkan dalam *Create* tahun baharu.

Akhir tinta, dengan rendah hati, saya dan seluruh warga Sidang Editorial *Create* memohon maaf di atas segala kesilapan dan keterlanjuran sama ada secara sengaja atau disengajakan. Secara peribadi, saya sendiri menanam azam untuk belajar dari kesilapan dan berusaha untuk memastikannya tidak berulang lagi. Insya Allah.

Semoga terus bersama kami. Jumpa di tahun depan – 2010!

Abd Rahman Hj Safie

Sultan Pahang terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada Majlis Konvokesyen Komemoratif & Majlis Konvokesyen Ke-4 yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 3 Oktober 2009 yang lalu.

Majlis yang penuh adat istiadat itu disempurnakan oleh Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sebagai menghargai jasa baginda dalam merintis usaha pembangunan dan kemajuan negeri Pahang.

Ketika bertitah di majlis itu, Sultan Ahmad Shah turut mengucapkan syukur ke atas penganugerahan itu.

"Penganugerahan ini telah menyemarakkan lagi tekad dan azam saya untuk terus memimpin dan membangunkan rakyat serta negeri yang tercinta sebagai sebuah masyarakat yang bersatu padu, progresif, dinamik dan lestari.

"Tiada apa yang lebih menggembirakan saya daripada melihat rakyat hidup dalam suasana sejahtera, aman dan bersatu padu," titah baginda.

Dalam majlis yang sama, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam ucapan ketika memperkenalkan graduan kehormat berkata, Sultan Ahmad Shah merupakan seorang Raja, pembina dan jurutera yang membawa nikmat pembangunan dan kemajuan amat bernilai kepada negeri Pahang Darul Makmur sepanjang 35 tahun pemerintahan baginda.

"Pelbagai projek pembangunan pendidikan rancang berjalan di bawah naungan baginda dan ini termasuklah kampus tetap UMP yang baginda sempurnakan peletakan batu asanya pada 2 November 2002.

"Pembangunan kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan bakal menjadi mercu tanda yang mewarnai kegemilangan zaman pemerintahan baginda apabila siap sepenuhnya menjelang tahun 2015 nanti.

"Kekuatan kepimpinan Sultan Ahmad Shah terletak pada keberkesanan peranan sebagai faktor penyatu dan pendengar yang baik terhadap keluhan isi hati rakyat.

"Ia seperti digambarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak bahawa kehadiran baginda sangat dekat di dalam perasaan, jiwa dan lubuk hati rakyat yang menjadi kekuatan kepada negeri Pahang," ujarnya.





.....Sultan Ahmad Shah merupakan seorang Raja, pembina dan jurutera yang membawa nikmat pembangunan dan kemajuan amat bernilai kepada negeri Pahang Darul Makmur sepanjang 35 tahun pemerintahan baginda.



KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah dan pembangunan Negeri Pahang

Oleh: HAJAH MAZITA MOKHTAR, AMP

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhun Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Mu'adzam Shah dan bidang Kejuruteraan Awam adalah satu hubung kait yang tidak dapat dipisahkan. KDYMM Tuanku adalah seorang sultan yang sangat prihatin terhadap pembangunan Negeri Pahang. Selain ingin melihat Negeri Pahang ini maju dan makmur untuk dinikmati oleh rakyat jelata. Hubungan baik di antara Baginda dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah faktor utama penyumbang kejayaan di dalam pembangunan negeri ini ditambah dengan kestabilan politik negara dan negeri.

Hubungan peribadi yang akrab antara KDYMM Tuanku dengan YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Ahli-Ahli Dewan Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Parlimen yang mewakili Negeri Pahang adalah faktor penyumbang kejayaan Negeri Pahang di selama ini.

Sifat kharamah KDYMM Sultan, menyebabkan Baginda sangat mudah didampingi dan berbincang bersama ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Jabatan Negeri apabila Baginda mengadakan lawatan ke Jabatan-Jabatan berkenaan serta melawat ke tapak-tapak projek.

Sebagai contoh, pada 13 Februari 2009, KDYMM Sultan telah mencemar duli berangkat ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Pahang untuk mendengar sendiri Persembahan Taklimat Perancangan Ekonomi serta Pembangunan Pelaksanaan Projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Visi dan misi negeri telah dipersembahkan kepada KDYMM Tuanku. KDYMM Tuanku penuh tekun mendengar

taklimat yang dipersembahkan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Pahang berkaitan pembangunan serta ekonomi negeri dalam RMKe-9. Semasa taklimat disebarkan kepada Baginda, Baginda secara terus mendapatkan maklumat tambahan berkenaan projek tebatan banjir negeri untuk mengatasi masalah banjir yang melanda hampir setiap tahun yang melimpah kawasan Kuantan, Pekan dan juga Rompin. Baginda juga menitahkan agar pembangunan kampus induk Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Pekan disegerakan untuk memberi manfaat kepada rakyat jelata serta melibatkan pembangunan modal insan kepada pelajar. Begitu juga projek pembangunan Jalan Kuantan-Pekan melibatkan lokasi Peramu-Simpang Batu 6 yang sedang rancak dilaksanakan serta memperkukuhkan projek

infrastruktur sedia ada seperti menaik Taraf Jalan 'Central Spine' yang menghubungkan lokasi Kuala Krai, Kelantan-Bentong serta Karak-Pelangai, Negeri Sembilan. Di dalam taklimat yang sama juga, Baginda telah menyentuh mengenai penyediaan rumah bagi rakyat yang berpendapatan rendah serta di bawah paras kemiskinan di negeri ini. Keprihatinan Baginda terhadap masalah rakyat amat terserlah.

Baginda juga tidak mudah alpa dengan apa yang telah disebarkan maklum oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Pahang kepada Baginda pada 13 Februari 2009. Baginda telah meneruskan kesungguhan untuk melihat negeri di bawah naungan Baginda benar-benar mencapai tahap negeri maju pada tahun 2020 sebagaimana disasarkan di dalam perancangan projek *East Coast Economic Region* (ECER),



Baginda telah berangkat ke Jabatan Kerja Raya Negeri untuk mencemar duli mendengar taklimat secara terus yang disampaikan oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Pahang.

Sebagai seorang Sultan yang berpendidikan dalam bidang Kerajaan Tempatan dan pernah menjalankan latihan praktikum di Urban District Council Sidmouth, Devon adalah mudah untuk Baginda memahami pelan perancangan negeri. Pengalaman Baginda memerintah Negeri Pahang Darul Makmur selama hampir 35 tahun, juga pengalaman Baginda pernah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-7 pada 25 April 1979 bidang pembangunan terutamanya kejuruteraan awam bukanlah merupakan sesuatu yang asing dan janggal kepada Baginda. Sehingga kini, banyak kejayaan di bidang Kejuruteraan

Awam yang telah terbukti dapat disediakan di bawah pemerintahan KDYMM Tuanku. Antara yang dapat dilihat dan menjadi kebanggaan Malaysia kini adalah Kompleks Dayabumi, *Putra World Trade Centre (PWTC)*, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), juga kejayaan di peringkat negeri seperti pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (Fasa 1) sepanjang 174.5 km, Pembinaan Pelabuhan Kuantan, Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, menaik taraf laluan kepada dua lorong dua hala Jalan Kuantan-Pekan melibatkan panjang jalan keseluruhan adalah 45 kilometer, Pembinaan Kampus Induk UMP, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), pelaksanaan Projek-Projek *East Coast Economic Region (ECER)* seperti Pelaksanaan Infrastruktur Projek Taman Kekal Pengeluaran

Makanan Lanchang, Temerloh serta Projek Agropolitan Gahai di Kuala Lipis.

Pada masa yang sama, melalui keprihatinan Baginda terhadap masalah rakyat berkaitan kesukaran mendapatkan pekerjaan serta meningkatkan pendapatan bagi para usahawan dari pelbagai peringkat telah mencetuskan keinginan Baginda membangunkan beberapa projek mega melibatkan kejuruteraan awam di negeri ini. Projek mega tersebut adalah Projek Tanjung Agas Oil & Maritime Industrial Park di Kuala Pahang. Majlis pecah tanah projek berkenaan telah diadakan pada 20 Jun 2009 yang lalu. Projek ini dianggarkan akan melibatkan pembangunan di atas kawasan seluas 4,260 ekar dan melibatkan nilai pelaburan sebanyak RM2 bilion. Projek yang dijangka siap dalam tempoh 10 tahun ini dipercayai dapat

mewujudkan peluang pekerjaan seramai 30,000 orang dalam pelbagai bidang dan peringkat. Insya Allah dengan kejayaan projek-projek yang sedia ada dan juga yang dirancang di bawah pemerintahan KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah, Negeri Pahang Darul Makmur akan maju bukan sahaja dalam bidang ekonomi dan kemasyarakatan malahan juga di bidang kerohanian dan agama.

Daulat Tuanku... sejak pemerintahan KDYMM Tuanku, Negeri Pahang Darul Makmur menjadi bertambah maju dan sentiasa aman damai serta sejahtera malahan dikenali di persada antarabangsa.

Semoga Allah melanjutkan usia KDYMM Tuanku dan KDYMM Sultanah serta anakanda-anakanda dan kaum kerabat hendaknya. Amin Ya Rabbal Alamin.



Isu perpaduan tak seharusnya merencatkan integrasi nasional - Canselor

“....menara gading perlu memainkan peranan proaktif sebagai sebuah gedung ilmu untuk menyedarkan masyarakat terutama generasi muda bahawa keamanan dan kemakmuran pada hari ini perlu dikekalkan untuk diwariskan kepada generasi akan datang.”

Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Hajj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah mengingatkan isu perpaduan tidak seharusnya merencatkan usaha penyatuan dan integrasi nasional.

Baginda bertitah, pada era pascakemerdekaan ini, isu perpaduan dianggap sebagai salah satu cabaran utama yang perlu ditangani oleh semua pihak.

“Dalam hubungan ini, menara gading perlu memainkan peranan proaktif sebagai sebuah gedung ilmu untuk menyedarkan masyarakat terutama generasi muda bahawa keamanan dan kemakmuran pada hari ini perlu dikekalkan untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

“Dalam konteks ini, setiap lapisan masyarakat terutama graduan universiti perlu menghayati Rukun Negara yang mendasari ideologi nasional negara,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Konvokesyen Ke-4 Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung pada 3 dan 4 Oktober 2009 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan UMP.

Tengku Abdullah bertitah, semua pihak perlu menumpukan kepada isu daya saing, pengantarabangsaan pendidikan dan persamaan negara di pentas ekonomi

dunia selepas 52 tahun negara kita Malaysia mencapai kemerdekaan.

“Janganlah dipersoalkan apakah sumbangan negara pada anda, tetapi tanyalah apakah sumbangan anda kepada negara.

“Berdasarkan pemerhatian dan penilaian saya, kebanyakan isu perpaduan akhirnya akan melarat kepada sensitiviti kaum dan agama disebabkan ketidakprihatinan serta kurangnya kesedaran mengenai kepentingan semangat muhibah, integrasi dan solidariti.

“Tanpa kita sedari, perbuatan tersebut hanya akan mendedahkan Malaysia kepada risiko keselamatan yang pasti diakhiri dengan tragedi yang tidak diingini,” ujar baginda.

Baginda turut menegaskan bahawa sebagai tonggak pemerintahan, institusi raja berpelembagaan mempunyai peranan penting dalam meningkatkan perpaduan antara kaum.

Jelas baginda lagi, institusi raja berada di atas pengaruh mana-mana parti politik, lantas membolehkan ia berfungsi secara telus untuk memelihara keharmonian hubungan rakyat di negara ini.

“Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara dan raja-raja sebagai ketua negeri hendaklah dilihat sebagai payung keadilan yang tidak hanya memelihara kepentingan orang Melayu tetapi meliputi semua rakyat tanpa mengira kaum,” jelas baginda.

Sebagai menghargai sumbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah melancarkan sebuah buku *Coffee Table* berjudul *His Royal Highness Sultan Ahmad Shah: The Ruler, The Builder, The Engineer* di Hyatt Regency Resort Kuantan pada 2 Oktober 2009 yang lalu.

Pelancaran buku itu juga adalah bersempena dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam kepada baginda oleh UMP pada Majlis Konvokesyen Komemoratif & Majlis Konvokesyen Ke-4 UMP yang berlangsung pada 3 & 4 Oktober 2009 yang lalu.

Buku setebal 92 muka surat itu memaparkan suasana dan peristiwa yang melatari kecemerlangan pemerintahan Sultan Pahang sebagai seorang Raja Pemerintah, Pembina dan Jurutera yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat negeri Pahang Darul Makmur.

Menurut Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, tahun ini merupakan genap 35 tahun baginda bersemayam di atas singgahsana kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur dan menaungi sekalian rakyat jelata dengan limpah keadilan dan kasih mesra.

"Projek pembangunan datang silih berganti, sama ada daripada kerajaan negeri atau Persekutuan, ini termasuklah pembangunan UMP yang juga merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang beroperasi sepenuhnya di negeri Pahang.

"Keprihatinan baginda mengenai ketidakseimbangan ekonomi desa dan bandar dapat mengurangkan jurang ekonomi dan seterusnya memperbaiki taraf kehidupan rakyat negeri ini.

"Sebenarnya, anugerah ini amat kecil berbanding jasa yang ditabur baginda dan nikmat yang diterima rakyat negeri ini," katanya ketika berucap di Majlis Santapan/Jamuan Malam Sempena Majlis Konvokesyen Komemoratif & Konvokesyen Ke-4 UMP.

Turut berangkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, Sultanah Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Hajah Kalsom, Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Iskandar, Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan Haji Yaakob, Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah.



UMP lancar buku *The Ruler, The Builder, The Engineer* hargai Sultan Pahang



LPU berperanan realisasikan UMP menjadi Universiti APEX – Dato' Hilmey

PROFIL

- Nama** : Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, SIMP., DIMP., SMP.
- Tarikh Lahir** : 31 Mei 1953
- Tempat Lahir** : Kertau, Maran, Pahang
- Taraf Perkahwinan** : Berkahwin (Isteri - Datin Salbiah Hussain dan dikurniakan empat orang puteri dan seorang putera)
- Pendidikan** : Akauntan Bertauliah, Malaysian Institute of Accountant (MIA), Sarjana Sains Pengurusan & Keusahawanan Strategik, The Nottingham Trent University (2005), Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Cranfield Institute of Technology, United Kingdom, Diploma Perakaunan, Universiti Malaya (1977) dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya (1976).
- Pengalaman Pekerjaan** :
- 1976 : Pegawai Bank, Malayan Banking Berhad
 - 1978 : Auditor Kanan, Messrs Hanafiah Raslan & Mohamad
 - 1981 : Akauntan, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)
 - 1984 : Penolong Pengurus Besar, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)
 - 1989 : Head of Post 1990 Project
 - 1995-1998 : Ketua Eksekutif Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad (PNB)
 - 1 Januari 1998 sehingga kini: Pengerusi Eksekutif, Heitech Padu Berhad
- Hobi** : Mengusahakan HeiTech Padu Berhad sepenuh masa dan bermain golf.

CREATE:

Terima kasih kepada Yang Hormat Dato' kerana sudi ditemu ramah untuk keluaran Create kali ini. Ramai ingin mengetahui apakah visi dan misi Yang Hormat Dato' dalam memacu UMP mencapai satu tahap yang cemerlang selaras dengan visi UMP untuk menjadi "universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia".

DATO' HILMEY:

Sebelum mengulas lebih lanjut berkenaan visi dan misi saya dalam memacu UMP mencapai satu tahap yang cemerlang, lebih elok saya perelaskan mengenai fungsi Lembaga Pengarah Universiti terlebih dahulu. Pada saya, fungsi Lembaga Pengarah Universiti harus seiring dengan hala tuju, aspirasi dan polisi yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pelan Strategik UMP. Fungsi LPU adalah untuk memudah cara dan memudah selia pembangunan dan pengurusan universiti bagi mencapai matlamat di atas mengikut lunas-lunas yang termaktub dalam AUKU dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPT. Secara holistik, LPU akan melihat apa yang perlu disesuaikan untuk UMP bagi mencapai matlamat dan objektif universiti sendiri sebagai sebuah universiti teknikal.

Peranan utama Pengerusi LPU pula ialah memastikan keberkesanan LPU dalam memainkan peranannya. Sebagai seorang pengerusi, saya tidak mempunyai sebarang agenda peribadi untuk membentuk UMP mengikut acuan saya, tetapi apa yang penting adalah untuk memastikan universiti mengenal pasti dan mempunyai visi dan misi. Peranan saya ialah memastikan pelan strategik yang telah dipersetujui dilaksanakan dengan lancar tanpa mengubahnya mengikut kemahuan peribadi. Dengan ini, pembangunan universiti dapat diteruskan untuk mencapai visi dan misinya tanpa mengira siapa Pengerusinya.

Sudah semestinya, visi saya sendiri mahu melihat UMP menjadi universiti pilihan pertama. Kita mahu menjadikan UMP sebagai *university of choice* dan saya percaya kita sedang bergerak ke arah itu sekarang. Pada pandangan saya, graduan kita antara yang senang menempah tempat dalam dunia pekerjaan selepas menamatkan pembelajaran. Ini adalah kerana kesesuaian kursus-kursus yang kita tawarkan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang ada di universiti ini.

Di sinilah peranan Lembaga Pengarah sangat penting untuk merealisasikan inspirasi UMP menjadi APEX universiti suatu

hari nanti. Bukan sesuatu yang mudah untuk mencapai semua itu, namun ia juga bukan sesuatu yang mustahil. Oleh itu, kita harus kukuhkan kedudukan kita di tempat yang kita ada sekarang.

CREATE:

Sejauh manakah Yang Hormat Dato' melihat perkembangan universiti ini sejajar dengan usia penubuhannya?

DATO' HILMEY:

Setiap pembangunan ada evolusinya tersendiri. UMP tidak terkecuali. Pada pandangan saya, UMP sekarang sudah mendapat satu tapak yang kukuh dan stabil untuk mengorak langkah yang seterusnya. Tujuh tahun merupakan satu tempoh yang agak singkat. Namun, kita sudah mencapai ke peringkat yang stabil untuk mengorak langkah terus ke hadapan.

Dari segi pembangunan fizikal, kampus utama di Kuala Pahang telah mula beroperasi dan kampus Gambang yang asalnya adalah kampus sementara yang disewa sepenuhnya, kini sebahagian besarnya telah menjadi kepunyaan UMP. Suasana pembelajaran yang lebih kondusif ini membuka peluang kepada kita untuk memberikan kualiti pembelajaran yang terbaik.





CREATE:

Yang Hormat Dato' sudah tentu mempunyai perancangan tersendiri dalam memastikan UMP terus cemerlang dan terbilang setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dalam dan luar negara. Bolehkah Yang Hormat Dato' jelaskan serba sedikit mengenainya?

DATO' HILMEY:

Faktor utama kejayaan sesebuah universiti, terutamanya universiti muda seperti UMP, untuk berjaya dalam persaingan dan meletakkannya di kedudukan yang baik ialah kekuatan dan keunikan tenaga pengajarnya, di samping kemudahan-kemudahan pembelajaran yang holistik. Saya merasakan inilah yang perlu universiti tekankan dan saya serta Lembaga Pengarah akan memberi sokongan sepenuhnya.

Mendapatkan tenaga pengajar berpengalaman bukan mudah kerana semua IPTA dan IPTS memburu perkara yang sama. Di sinilah kebijaksanaan pengurusan tertinggi dan Lembaga Pengarah universiti perlu bekerjasama untuk mendapatkan satu formula yang unik supaya UMP menjadi sebuah universiti pilihan tenaga pengajar.

CREATE:

Sebagai perancang di dalam sesebuah organisasi, tentunya Yang Hormat Dato' berhadapan dengan beberapa cabaran tertentu, justeru, bolehkah Yang Hormat Dato' menceritakan sedikit tentang cabaran yang

Yang Hormat Dato' lalui dalam melaksanakan strategi pengukuhan dan pembangunan UMP?

DATO' HILMEY:

Sebagai sebuah universiti muda, UMP sudah semestinya akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Cabaran utama yang kita alami di peringkat awal dahulu ialah bagaimana hendak membina warga UMP menjadi satu pasukan yang jitu, *ONE UMP*. Tidak dapat dinafikan bahawa membentuk *ONE UMP* ini bukan mudah dan mengambil masa. Dari awal lagi sejak saya menjadi Pengerusi, melalui interaksi dengan warga UMP, saya selalu menekankan pentingnya kita membentuk satu pasukan yang kuat dan mantap. Kuncinya, selagi kita semua bekerjasama, semua pihak akan mendapat faedahnya. Alhamdulillah masalah ini sudah di belakang kita sekarang.

CREATE:

Bolehkah Yang Hormat Dato' menjelaskan pandangan peribadi Yang Hormat Dato' terhadap potensi dan masa depan UMP?

DATO' HILMEY:

Terus terang saya katakan potensi UMP adalah sangat cerah untuk terus maju setanding dengan IPTA lain, malah menjadi universiti pilihan. Ini adalah kerana kursus yang ditawarkan oleh UMP sangat relevan untuk masa hadapan. Untuk menjadi negara maju, kita memerlukan graduan yang berlatar belakang kejuruteraan teknikal bagi membangunkan negara. UMP

yang sememangnya berlatar belakang kejuruteraan sepenuhnya sangat relevan dalam memacu Malaysia ke arah negara yang lebih maju kelak.

Oleh itu, UMP dilihat menyumbang kepada melahirkan graduan yang diperlukan pada masa hadapan yang berbekalkan kemahiran teknikal. Para graduan kita adalah antara yang berjaya menempatkan diri dalam dunia pekerjaan sesudah mereka menamatkan pengajian di UMP.

Pada masa yang sama, kita harus memastikan kita menjadi yang terbaik di Pantai Timur sebelum menjadi IPTA yang terbaik di Malaysia. Kita sudah mempunyai tapak yang kukuh. Oleh itu, kita harus memperkukuhkan kedudukan kita supaya menjadi IPTA pilihan pertama di Pantai Timur.

.....untuk berjaya dalam persaingan dan meletakkannya di kedudukan yang baik ialah kekuatan dan keunikan tenaga pengajarnya, di samping kemudahan-kemudahan pembelajaran yang holistik.

CREATE:

Bagaimanakah Yang Hormat Dato' melihat kedudukan UMP dalam memartabatkan sistem pengajian tinggi negara ke arah membentuk modal insan minda kelas pertama?

DATO' HILMEY:

Semua universiti mahu mengeluarkan graduan modal insan kelas pertama. Bagi UMP, pendekatan kita perlu dilihat secara keseluruhan. Semua aspek pembelajaran perlu diambil kira, dari segi akademik, kemudahan belajar, persekitaran, khidmat sokongan dan beberapa lagi aspek yang akan mempengaruhi graduan-graduan kita.

Kelebihan yang dimiliki oleh UMP ialah semua pelajar kita tinggal di dalam satu kampus. Inilah peluang kita untuk mendekati para pelajar supaya dapat memberi mereka peluang untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman yang berguna untuk menjadikan mereka insan berminda kelas pertama. Universiti perlu mengambil peluang keemasan ini dengan mengadakan program yang menyeluruh yang akan melibatkan ramai pelajar. Usaha ini bukan mudah. Perancangan yang berbentuk menyeluruh dan keberlinaan adalah perlu untuk menempa kejayaan. Sebagai contoh, lebih banyak aktiviti dan sokongan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) diperlukan bagi memudahkan cara penglibatan pelajar.

Pada pendapat saya, JHEPA perlu diperkukuhkan bagi menyokong usaha melahirkan modal insan minda kelas pertama dengan mewujudkan pelbagai program kepada para pelajar. Program yang diadakan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar untuk melahirkan pemikiran minda

kelas pertama di kalangan mereka. Dengan ini, kelebihan mereka tinggal di dalam kampus juga tidak disia-siakan begitu sahaja.

Bagi mendapatkan graduan berminda kelas pertama, staf UMP juga perlu berminda kelas pertama. Tenaga pengajar juga perlu menunjukkan contoh minda kelas pertama kepada pelajar-pelajar dengan bukan sahaja memberi pelajaran berkualiti tinggi di kelas-kelas, tetapi juga contoh penglibatan aktiviti-aktiviti sosial di luar kelas.

Saya juga merasakan bahawa salah satu cara mewujudkan environment bagi menjana graduan berminda kelas pertama ialah dengan mengambil tenaga pengajar dan juga pelajar antarabangsa. Segala pengalaman mereka kita dapat jadikan iktibar dan contoh yang baik.

Selain itu, kita harus mewujudkan satu ruang bagi pelajar berfikiran lebih luas dan di masa yang sama mengasah bakat mereka dalam berpidato melalui pewujudan *speaker's corner*. Aktiviti seperti inilah yang boleh melahirkan modal insan minda kelas pertama.

CREATE:

Akhir sekali, apakah harapan dan pesanan Yang Hormat Dato' untuk seluruh warga UMP selaras dengan hasrat universiti untuk menjadi Universiti Pilihan Pertama, Bertaraf Dunia dan Berjenama?

DATO' HILMEY:

Harapan saya kepada seluruh warga UMP supaya mengambil peluang yang ada untuk menjadikan universiti kita sebagai universiti pilihan pertama, bertaraf dunia dan berjenama. Saya mengharap setiap pihak memainkan

peranan masing-masing bagi menjadikan kita satu pasukan yang kuat, *ONE UMP*. Walaupun universiti kita masih muda, namun kita mempunyai peluang untuk memajukan universiti setanding dengan universiti lain. Kemajuan universiti bergantung kepada bagaimana kita bekerja untuk mencapai matlamat dan hala tuju universiti.

Akhir sekali, saya menyeru kepada semua warga UMP agar sama-sama berganding bahu dengan pengurusan tertinggi universiti dalam memacu universiti ke arah universiti pilihan pertama. Kita juga mahu berbangga sebagai sebuah universiti yang didokong oleh warga yang SATU, *ONE UMP*.





Perodua sumbang robot RM2.6 juta kepada UMP

Sebanyak 13 robot industri bernilai RM2.6 juta telah disumbangkan oleh Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk kegunaan dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai salah satu usaha menerapkan kaedah kilang berasaskan industri di UMP.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah berkata, industri merupakan destinasi seterusnya bagi graduan IPT dalam usaha untuk memastikan matlamat agenda pembangunan negara dapat sama-sama direalisasikan.

"Hubungan universiti dengan pihak industri juga wajar diberi perhatian yang mana kedua-dua pihak saling memerlukan antara satu sama lain, supaya manfaat daripadanya dikongsi bersama.

"Sumbagn 13 robot industri bernilai RM2.6 juta

daripada Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) bagi digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai salah satu usaha penerapan kaedah kilang berasaskan industri di UMP amat dialu-alukan.

"Kepakaran, pengalaman dan teknologi dari industri perlu dikongsi bersama bagi menjalin kerjasama yang mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua pihak," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Yang Hormat Dato' Mohd Hilmei Mohd Taib pada majlis penyerahan 13 robot industri daripada Perodua kepada UMP di Makmal Kejuruteraan Pembuatan pada 29 Disember 2009 yang lalu.

Turut hadir Pengarah Urusan Perodua, Yang Berbahagia Datuk Syed Abdull Hafiz Syed Abu Bakar, Aminar Rashid Salleh dan Naib Canselor UMP, Yang Hormat

Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim.

Robot industri yang disumbangkan kepada UMP telah digunakan bagi pemasangan model Perodua iaitu Kenari, Kancil dan Kelisa yang telah dihentikan pengeluarannya dan akan digantikan dengan robot lain untuk model terbarunya seperti Viva dan Alza.

Tambah Dato' Saifuddin lagi, para pelajar didedahkan dengan peralatan seperti mana diaplikasikan di kilang-kilang untuk memenuhi kehendak pembelajaran di universiti.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, sebelas dari robot yang diterima akan digunakan bagi tujuan pengajaran simulasi industri manakala dua lagi digunakan bagi tujuan penyelidikan.

"Pembelajaran menjadi lebih efektif terutama membabitkan penggunaan teknologi terkini

dalam proses inovasi melalui robot berkenaan.

"Dengan adanya robot industri ini, UMP melalui Jabatan Kejuruteraan Pembuatan bakal menawarkan empat kursus baharu iaitu Robot Untuk Jurutera, Pembuatan Menggunakan Komputer Bersepadu, Sistem Pembuatan Kawalan Komputer dan juga Sistem Deria dan Pacuan.

Pada majlis itu juga, turut diadakan pameran Perodua dengan model kereta terbaharu Alza di samping pelbagai hasil penyelidikan UMP yang memenangi banyak pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kerjasama strategik serta hubungan kolaboratif antara industri dengan institut pengajian tinggi (IPT) merupakan fokus penumpuan penting dalam memperkembangkan lagi sektor pengajian tinggi negara.



Yakin, usaha, tidak kenal erti jemu

- kunci kejayaan graduan terbaik UMP



Setiap kali konvokesyen pasti sahaja akan tercalon nama para pelajar yang bakal dinobatkan menjadi pelajar terbaik dan sekaligus mendapat pengiktirafan daripada universiti.

Tradisi ini juga tidak terkecuali di Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang saban tahun mengangkat nama para pelajar yang menjadi kebanggaan warga kampus dalam membuktikan UMP mampu melahirkan graduan yang cemerlang.

Pada Majlis Konvokesyen Ke-4 Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini, seramai empat pelajar telah diumumkan sebagai penerima anugerah tertinggi universiti dan sekaligus mengangkat martabat UMP dalam melahirkan pelajar yang cemerlang.

Yakin, usaha, tidak kenal erti jemu, rata-rata menjadi aset penting dalam membongkar rahsia kejayaan keempat-empat graduan cemerlang ini.

Bagi Penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya

Cemerlang), Muhd Usaid Johan Arupatharaju, usaha yang tidak pernah mengenal erti jemu telah membawa beliau kepada puncak kejayaan pada hari ini.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) ini, turut mengakui selain doa dan dorongan ibu bapa yang mendidikinya sehingga berjaya, terdapat juga insan lain yang menyumbang kepada kejayaannya pada hari ini.

“Selain ibu bapa, pensyarah dan rakan kuliah juga turut menyumbang kejayaan ini kerana bantuan dan sokongan mereka adalah sumber inspirasi saya mendaki puncak jaya hari ini,” tambah anak sulung dari tiga beradik yang kini bertugas sebagai Penolong Setiausaha (Teknologi Maklumat), Kementerian Kesihatan, Putrajaya.

Kemenangan yang diperoleh oleh Muhd Usaid ini juga turut dikongsi bersama Low Cay Ling, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) Kelas Pertama, yang menyifatkan kejayaannya ini adalah hasil dari

pengorbanan kedua ibu bapanya yang banyak berkorban masa dan wang ringgit.

Bagi Syahrul Hakimah Ong Maliki, 24, berkata usaha dan sentiasa bertungkus-lumus dan tidak pernah kenal erti jemu itulah yang akhirnya menobatkan beliau menerima Anugerah Canselor dan turut menerima wanga tunai RM2,000 pada majlis konvokesyen tersebut.

Beliau yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Kelas Pertama kini memulakan kerjaya sebagai Jurutera Perisian di Mimos Kulim High-Tech Park (KHTP), Kulim, Kedah.

“Saya berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di dalam atau luar negara,” kata anak sulung daripada empat adik-beradik ini.

Penerima Anugerah BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd., Noor Aishah Yumasir, 24, yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi), turut mengakui

yakin, usaha, bersungguh-sungguh dan mendapat restu ibu bapa dalam melaksanakan sesuatu perkara adalah kunci sesebuah kejayaan.

“Saya belajar seperti biasa, menghadiri kuliah, tumpukan perhatian dan siapkan tugas tepat pada waktunya dan paling penting jangan sesekali ponteng kuliah walaupun bukan subjek pilihan,” katanya.

Keempat-empat graduan ini telah membuktikan mereka mampu berjaya jika kunci kejayaan yang dipegang oleh mereka digunakan sepanjang pengajian di UMP.

Seramai 834 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-4 UMP di Kompleks Sukan Universiti, Kampus Gambang pada 3 dan 4 Oktober 2009 yang lalu.

Daripada jumlah tersebut, seramai tiga pelajar menerima ijazah sarjana, sementara masing-masing 614 dan 217 lagi menerima ijazah sarjana muda dan diploma.

UMP raih 6 pingat di SIIF Seoul

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sekali lagi berjaya meraih enam pingat di Pameran Seoul International Invention Fair (SIIF 2009) yang berlangsung di Seoul, Korea pada 3 hingga 7 Disember 2009 yang lalu.

UMP yang mempertaruhkan sebanyak enam projek penyelidikannya berjaya memenangi satu pingat emas, empat pingat perak dan satu pingat gangsa yang menjurus kepada kemenangan 100% pada pertandingan bertaraf dunia membabitkan penyertaan sebanyak 500 projek penyelidikan dari seluruh dunia.

Antara negara yang terlibat di pameran dan pertandingan berkenaan ialah Australia, Jerman, Rusia, Poland, Thailand, Iran, Indonesia dan termasuklah 58 projek penyelidikan dari Malaysia.

Pingat emas tunggal UMP dimenangi oleh Dr. Hayder A. Abdul Bari dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) menerusi projek penyelidikannya yang bertajuk '*Extraction of New Natural Polymeric Drag Reducing Agent Mucilage from Cocoa Fruits Waste (Waste to Wealth)*'.

Sementara itu, tiga penyelidikan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) telah berjaya membawa pulang tiga pingat perak melalui produk '*Column*

Switching Ion Chromatography: A New Design for Environmental Monitoring' oleh Dr. Muhammad Amin, '*Affective and Affordable Natural Repellent Against Mosquitoes (REPELL)*' oleh Dr. Azhari Hamid Nour, '*Valuable Perfumery Material: Cheap & Simple Preparation of Methyl Isoeugenol using Polymer Base Catalyst*' oleh Dr. Benjamin Lukas dan '*Biofeedback: A New Training Technology for Human Operator's*' oleh Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) turut sama membawa pulang pingat perak.

Penyelidikan Mohammad Affendy Omarkin dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) bertajuk '*Arterial (An Integrated Domestic Waste Water Blockage Removal System)*' pula membawa pulang pingat gangsa.

Kejayaan di pameran peringkat antarabangsa ini amat bermakna kepada UMP di mana kesemua projek penyelidikan yang dibawa berjaya mendapat pengiktirafan juri profesional bertaraf dunia di samping para pensyarah yang terlibat berjaya mendapatkan pelbagai input bagi tujuan memperluaskan projek yang dibawa ke arah tujuan pengkomersialan.





Penyelidik UMP bawa pulang 5 kemenangan dalam BIS 09'

Universiti Malaysia Pahang (UMP) boleh berbangga dengan kejayaan yang dicipta oleh dua penyelidik yang membawa pulang tiga pingat emas dan dua anugerah khas dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di British Invention Show 2009 (BIS), London baru-baru ini.

Menerusi penyelidikan Norashikin Mohd. Zain daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), bertajuk "The Potential of Natural Wastes for Production of Economical and Environmental Friendly Biodegradable Film (From waste to wealth)" telah berjaya memperoleh pingat emas dan yang menariknya projek ini juga dipilih menerima anugerah khas iaitu Special Award Platinum bagi kategori Natural Earth Award 'Diamond dan Grand Final Platinum Consumer 2009.

Menurut Norashikin, kaedah baharu yang ditemuinya ini mampu menghasilkan plastik mudah urai (biodegradable film) menggunakan bahan buangan pertanian yang kandungannya selamat dan tidak mengandungi toksik.

"Penemuan kaedah menghasilkan plastik yang pertama di negara ini boleh membantu menyelesaikan masalah berkaitan pelupusan plastik yang dihadapi banyak negara, termasuk Malaysia telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa," katanya.

Terdahulu, menerusi kajian ini juga beliau turut merangkul pingat emas di International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2009 pada 15 hingga 17 Mei 2009 lalu di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dan juga memenangi anugerah khas *Best*

Invention in Environment Innovation (Henry Goh Award).

Manakala Zamzuri Hamedon dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) turut memenangi dua pingat emas menerusi dua projek penyelidikan iaitu 'Universal External Hinge Fixator (UniHF)'. Menerusi kajiannya itu, beliau menemui teknologi moden yang direka bentuk untuk membantu dalam tujuan perubatan pencantuman tulang tanpa melibatkan pembedahan yang berkesan.

Satu lagi projek penyelidikan yang beliau menangi pingat emas ialah 'Multi Purpose Spring Activated Pole (SAP)' iaitu reka bentuk alat pelbagai kegunaan dengan menggunakan 'compress spring' yang memberi tekanan kepada mesin untuk berfungsi.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, kemenangan di pertandingan reka cipta di peringkat antarabangsa bukannya sesuatu yang mudah tetapi UMP telah membuktikan dunia mengiktiraf penyelidikan UMP. Beliau berkata demikian dalam sidang media semasa meraikan kejayaan penyelidik di Dewan Bankuet UMP pada 23 Oktober 2009 yang lalu.

Hadir sama Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim, Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Zulkafli Hassan dan Timbalan Dekan (Akademik), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi, Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff.





CENFED

peneraju
program
Pembangunan
Profesional di
Pantai Timur



Produk penyelidikan UMP menang 5 pingat di BioMalaysia 2009

Penyertaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam Persidangan & Pameran BioMalaysia 2009 yang berlangsung mulai 17 hingga 19 November 2009 yang lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur telah membuahkan hasil apabila berjaya mengungguli dua pingat emas dan tiga pingat gangsa melalui produk penyelidikannya.

Persidangan & Pameran BioMalaysia 2009 yang bertemakan "Meningkatkan Nilai Komersial Bioteknologi" itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak.

Produk penyelidikan UMP yang menyumbangkan pingat emas adalah terdiri daripada produk 'Modified Heterogeneous Process for the Production of Biodiesel with Glycerol Acetal Additive' oleh Dr. Chin Sim Yea dan produk 'Aloe Vera Mucilage As New Flow Improving Agent In Pipelines Carrying Liquids In Turbulent Mode' oleh Dr. Hayder A. Abdul Bari dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Manakala produk penyelidikan 'Production Of Commercial Bio Preservative For Food Industry Using Green Technology' oleh Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, 'Production and Demulsification of Virgin Coconut Oil Milk (VCO) by Microwave Heating Technology' oleh Dr. Abdurahman. H.Nour dan 'Biofeedback Learning Kit For Operator's Cognitive Performance' oleh Auditya Puwandini Sutarto berjaya menyumbangkan tiga pingat gangsa kepada UMP.

Selain daripada kejayaan yang diperolehi, pameran itu juga turut bermakna sekali apabila booth UMP turut dikunjungi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang turut berminat menyaksikan hasil inovasi penyelidikan penyelidik UMP yang dipamerkan.

Diharapkan para penyelidik UMP akan terus berusaha dalam memastikan hasil penyelidikan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) Universiti Malaysia Pahang (UMP) merupakan sebuah pusat yang ditubuhkan bertujuan untuk menawarkan program latihan, latihan semula, pengajian berterusan kepada pihak industri, swasta, kumpulan profesional dan masyarakat. Sejak penubuhannya pada tahun 2004, CENFED telah melatih hampir 4,000 peserta di seluruh negara.

Program yang ditawarkan merangkumi program pembangunan profesional seperti kursus jangka pendek, program Diploma Eksekutif, Diploma Separuh Masa dan program francais termasuk program kawal selia. Bagi program pembangunan profesional/kursus jangka pendek, CENFED mendapatkan pengiktirafan daripada agensi yang berkaitan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia bagi kursus-kursus yang berteraskan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kementerian Kerja Raya bagi kursus yang melibatkan industri pembinaan.

Di samping itu juga, menyedari keperluan latihan semestinya melibatkan peruntukan latihan yang perlu ditanggung oleh organisasi, CENFED berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) selaku penyedia latihan bertaraf kelas 'A'. Semua kursus yang ditawarkan oleh CENFED adalah layak untuk menerima bantuan latihan daripada PSMB sama ada di bawah skim bantuan latihan (SBL), Skim Bantuan Latihan Khas (SBL Khas) atau skim program yang diluluskan (PROLUS) yang mana PSMB membiayai 100% yuran latihan tersebut.

Tidak cukup dengan itu, CENFED juga merupakan 'Professional Training Provider' (PTP) bagi Perbadanan Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia) bagi melatih para pekerja dari sektor IKS untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Menariknya, selain mendapat kursus yang diiktiraf dengan menggunakan kepakaran dan kemudahan universiti, SME Corp. Malaysia membiayai 80% daripada yuran latihan tersebut. Melalui pembiayaan tersebut, peserta hanya perlu membayar yuran penyertaan serendah RM80 bagi mengikut pelbagai program

yang ditawarkan. Yuran penyertaan tersebut merangkumi kemudahan latihan dan nota kursus termasuk makan minum sepanjang kursus.

Sehingga ke hari ini, 34 program yang merangkumi pelbagai bidang seperti bidang keusahawanan, pengurusan kewangan, pemasaran, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH) dan sebagainya telah diluluskan untuk ditawarkan kepada IKS dan PKS yang berminat.

Tahun 2009 merupakan tahun yang membanggakan bagi CENFED. Ini kerana sepanjang tahun 2009 menyaksikan CENFED menerima hampir RM 1,000,000.00 geran latihan daripada beberapa agensi kerajaan bagi tujuan menjalankan program latihan menerusi beberapa program yang ditawarkan. Peruntukan terbesar yang diterima adalah daripada Perbadanan Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) di bawah peruntukan khas keperluan tenaga kerja koridor pertumbuhan ekonomi Pantai Timur (ECER) diikuti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia menerusi Program Penempatan & Latihan (*Train & Place*) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi melatih kontraktor berdaftar di seluruh negara.

Malah, kemudahan latihan yang disediakan oleh CENFED amat memuaskan. Kerjasama yang diberikan oleh setiap jabatan dalam penyediaan dan penggunaan dewan kuliah, bilik latihan makmal komputer, perpustakaan, kompleks sukan dan lain-lain amat membantu dalam kejayaan pelaksanaan kursus. Dengan kemudahan wifi di seluruh kampus memudahkan peserta menjalani latihan dengan lebih baik. Di samping itu, terdapat juga program latihan yang dijalankan secara 'in-house' mengikut permintaan pelanggan.

Bagi tahun 2010, seiring dengan pendewasaan CENFED, CENFED mengorak langkah mengembangkan lagi aktiviti latihan dan pembangunan profesional dengan meneroka dimensi baharu dalam bidang pembangunan profesional dan pengajian berterusan. Dengan lebih 117 kursus jangka pendek yang ditawarkan, CENFED mula menawarkan lapan program Diploma Eksekutif dan satu program Separuh Masa dalam bidang kejuruteraan kimia (Loji Proses).

Program Diploma Eksekutif ini merupakan program yang dibangunkan secara bersama antara universiti dengan para profesional dalam bidang yang berkaitan. Program ini ditawarkan khusus kepada golongan bekerja bagi tujuan pembangunan kemahiran dan peningkatan kerjaya. Lapan program yang ditawarkan adalah:

- *Oil & Gas*
- *Project Management*
- *Industrial Technology Management*
- *Plantation Technology & Management*
- *Business Management & Entrepreneurship*
- *Manufacturing Industrial Management*
- *Manufacturing Engineering Management*
- *Occupational Safety, Industrial Hygiene & Environmental*

Syarat kemasukan bagi mengikut program Diploma Eksekutif ini ialah calon mestilah merupakan lepasan SPM dan memiliki dua tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan.

Walaupun masih baharu berbanding dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain, namun dengan komitmen dan usaha gigih yang berterusan berlandaskan kepada perancangan jangka panjang yang sistematik, CENFED mensasarkan untuk melatih 2,000 peserta pada tahun 2010. Peserta tersebut bukan sahaja melibatkan peserta tempatan tetapi juga akan melibatkan peserta antarabangsa menerusi satu program yang baharu diperkenalkan iaitu 'Edu Tourism'. Konsep ini adalah gabungan antara pakej latihan dan pelancongan. Di samping berkursus, peserta akan di bawa melawat ke tempat-tempat pelancongan popular dalam negara.

Keistimewaan program latihan yang ditawarkan oleh CENFED sememangnya menarik dengan pakej kemudahan dan latihan yang kondusif, program yang diiktiraf serta bantuan pembiayaan latihan yang disediakan.

Kepada yang berminat boleh menghubungi Bahagian Pemasaran CENFED di 09-549 2086/2652/2658 (Zainal Bahari) atau layari www.cenfed.ump.edu.my.

Biodegradable Film bantu negara pelihara alam sekitar



NORASHIKIN MAT ZAIN

Masalah pembuangan plastik yang tidak boleh reput ke daratan dan dalam laut jika tidak ditangani segera boleh menjadi semakin serius dan berkemungkinan membawa kerosakan kepada sistem ekosistem. Pembuangan plastik ini menyebabkan pencemaran daratan dan juga pencemaran marin.

Kesedaran awam mengenai pembuangan sisa pepejal di laut masih rendah walaupun kebanyakan orang faham kepentingan menjaga alam sekitar. Kesan buruk yang diperoleh daripada penggunaan beg plastik kepada alam sekitar di mana sekitar 100 bilion tan beg plastik mencemari lautan seluruh dunia dan mengorbankan kehidupan laut seperti penyu, ikan paus dan burung-burung.

Dianggarkan juga, satu juta burung-burung cedera dan terkorban setiap tahun akibat termakan dan terjerat beg plastik serta banyak penyu mati akibat beg plastik yang terapung hanyut di permukaan laut ini disebabkan ianya menyerupai makanan asasi penyu iaitu obor-obor. Beg plastik yang terbuang juga tidak akan hancur kerana komposisinya yang lengai.

Oleh kerana sisa plastik hanya akan reput dalam jangka masa yang panjang ianya akan memerlukan sebahagian besar dari kawasan tapak pelupusan dan lebih membimbangkan lagi plastik boleh mengeluarkan kompaun toksik dan berbahaya apabila ia reput. Sisa plastik yang pelbagai warna dan bentuk ini juga akan dapat dilihat terapung-apung di sungai-sungai dan saluran parit hingga menyebabkan pemandangan yang kurang elok malahan ini juga menjejaskan pengaliran air sehingga boleh menyebabkan air parit dan sungai membanjiri kawasan berdekatan apabila hujan lebat dan jika ini berlaku ianya boleh menyebabkan pencemaran tanah, sungai dan sumber air di bawah permukaan tanah, keadaan ini akan menjejaskan kualiti alam sekeliling dan kesihatan serta kesejahteraan orang ramai.

Menerusi hakikat kepentingan menjaga alam sekitar, kajian telah dijalankan iaitu dengan menghasilkan *biodegradable film*. *Biodegradable film* ini dihasilkan daripada bahan buangan pertanian dan campuran bahan kimia lain yang mana kandungannya adalah selamat dan tidak mengandungi bahan toksik.

Penyelidikan ini telah dipatenkan dan *biodegradable film* ini mempunyai kekuatan mekanikal yang tinggi dan hanya memerlukan kos yang rendah untuk dihasilkan. *Biodegradable film* ini boleh digunakan untuk pelbagai pembungkusan. Biodegradable film ini reput akibat proses perebutan mikroorganisma terhadap filem tersebut. Usaha kajian ini mampu membantu negara mengurangkan kos pengurusan sampah, memelihara alam sekitar dan juga melindungi kesihatan manusia dan juga melindungi hidupan marin.

Penulis ialah pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Kimia © Sumber Asli, UMP.



Penyelidik UMP cipta alat stabil tulang patah



Penyelidikan & Inovasi



Zamzuri Hamedon

Sebahagian besar kes tulang patah ketika ini dirawat menggunakan kaedah simen dan menanam besi dalam tulang yang cedera.

Rawatan seumpama ini bukan sahaja membantutkan pergerakan pesakit, malah boleh mengakibatkan kelumpuhan kekal kerana jangkitan kuman dan otot mengecut akibat tiada kesinambungan pembinaan tisu lembut.

Menyedari hakikat itu, penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghasilkan kaedah alternatif bagi menstabilkan tulang patah menerusi penghasilan alat penghubung daripada besi dan aluminium, *multi-axial Fixing Elements* (MAFE).

Hasil kajian Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Zamzuri Hamedon, Badrul Akmal

Hisham Md Yusoff dan Khairul Azha Abd Jalal itu berupaya mengelak kecacatan tulang dan membolehkan pesakit lebih selesa kerana sendi berhampiran tulang patah dapat digerakkan.

Sambil menjelaskan teori perubahan utama digunakan bagi reka bentuk peralatan itu, Zamzuri berkata, kecederaan tulang tidak menghalang pesakit menggerakkan anggota supaya pengaliran darah tidak tersekat dan menghalang pembentukan tisu lembut untuk pemulihan.

Penghasilan MAFE sejajar dengan usaha memperbanyakkan peralatan bioperubatan yang menjadi keperluan utama sektor perubatan ketika ini.

Penyelidikan ini dijalankan dengan

kerjasama pakar bedah ortopedik Allianze College of Medical School, Dr. Badrul Akmal Hisham Md Yusoff.

Pakar perubatan tersebut membekalkan pengetahuan berkaitan terapi kecederaan tulang bagi menghasilkan reka bentuk peralatan yang menepati keperluan kaedah rawatan ditetapkan kepada UMP.

Malah, MAFE turut memenangi anugerah perak pada pameran Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pencipta) 2009 baru-baru ini.

Selain itu, peralatan ini turut meraih pingat emas pada pameran penyelidikan *The British Invention Show* (BIS) di Alexandria Palace, London baru-baru ini sekaligus membuktikan potensinya di pasaran global.





UMP, FRIM meterai persefahaman kerjasama Biojisim

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mencatat sejarahnya sendiri dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) menerusi kerjasama di dalam bidang biojisim.

Majlis menandatangani MoU itu diadakan bersempena dengan Majlis Perasmian Seminar on Biomass for "Biofuels and Value-Added Products 2009".

Majlis bersejarah anjuran kedua belah pihak itu diadakan di The Saujana Kuala Lumpur pada 27 Oktober 2009 yang lalu.

Ia turut disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar, Yang Berbahagia Dato' Zool Azha

Yusof.

Sesi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu, dihadiri oleh Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Naib Canselor UMP selaku wakil UMP, dan Dato' Dr. Abd. Latif Mohmod, Ketua Pengarah FRIM, yang mewakili FRIM.

"Kerjasama itu merangkumi pelbagai aspek penyelidikan termasuk penggunaan semula sisa perindustrian, pertanian dan perhutanan bagi penghasilan tenaga alternatif demi memelihara alam sekitar melalui teknologi terkini.

Kerjasama itu membabitkan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang menekankan penggunaan biojisim

untuk pembangunan teknologi dan juga produk-produk bernilai tambah terutamanya biotena dan biokomposit," ujar Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Tambah beliau lagi, kerjasama tersebut adalah relevan kerana UMP mempunyai kepakaran dalam bidang biojisim dan FRIM juga menjalankan penyelidikan dalam bidang bioteknologi yang berkaitan pemprosesan dan penghasilan produk berasaskan biojisim.

"UMP melalui Pelan Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) juga telah dijadikan sebagai Pusat Kecemerlangan (COE) bagi bidang 'Biofuel and Biodegradable Products.'

Dengan kepakaran dan

sumber yang dimiliki kedua-dua pihak, saya yakin jalinan kerjasama yang kukuh dapat dijalankan," katanya.

Bertemakan 'Towards Efficient Utilization of Biomass', seminar yang berlangsung selama dua hari itu telah dapat mencapai matlamatnya bagi memberi kesedaran tentang potensi penggunaan biomass, menyediakan forum untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan serta berkongsi penemuan-penemuan penyelidikan terkini dengan sektor swasta, pihak industri, penggubal polisi serta para penyelidik.

UMP Holdings meterai Perjanjian Jual Beli Hartanah RM153 juta

Impian Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk memiliki kampus Gambang menjadi kenyataan apabila melalui anak syarikatnya UMP Holdings Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian jual beli hartanah melibatkan Kompleks Pentadbiran Utama, makmal kejuruteraan, asrama pelajar, masjid UMP dan bangunan di Kompleks Perkhidmatan Siswa termasuk makmal di Blok X,Y, dan Z.

Perjanjian Jual Beli hartanah tersebut yang menelan belanja sebanyak RM153 juta melibatkan UMP Holdings Sdn. Bhd. dengan Frontier Bond (M) Sdn. Bhd. dan MEC Industrial Park Sdn. Bhd. (*In members voluntary liquidation*).

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Pengerusi UMP Holdings, Yang Hormat Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim manakala Frontier Bonds pula diwakili oleh pengarahnya Kee Book Hed dan Ong Say Kiat.

MEC Industrial Park Sdn. Bhd. pula diwakili pengarahnya Liam Tiang Huat dalam satu majlis yang diadakan di Dewan

Bankuet, Canseleri pada 11 November 2009 yang lalu.

Majlis yang penuh bersejarah itu turut disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus dan pengurusan tertinggi daripada universiti dan kedua-dua syarikat.

Bercakap di majlis anjuran UMP Holdings baru-baru ini, Dato' Sri Abdul Aziz berkata, setelah beberapa rundingan dibuat antara kedua-dua syarikat, akhirnya perjanjian jual beli hartanah ini dapat dilaksanakan.

Katanya, melalui pembelian hartanah ini, pihaknya percaya pelaburan ini membuka jalan ke arah usaha sama strategik antara ketiga-tiga pihak serta menjadikan Gambang sebagai hub pendidikan di negeri Pahang.

"Dengan adanya dua kampus, ianya dapat menggalakkan pertambahan penuntut dalam bidang kejuruteraan bagi mencorakkan hala tuju pembangunan negara di masa akan datang," katanya.



UMP universiti pertama jalani audit prestasi akademik

Oleh: AHMAD SALIMI ASHAARI



Universiti Malaysia Pahang (UMP) merupakan universiti pertama menjalani proses Audit Prestasi Akademik (APA) pada 6 hingga 9 Oktober 2009 yang lalu.

Proses audit berkenaan diketuai oleh Profesor Dato' Ir. Abang Abdullah Abang Ali dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang turut bertindak selaku Pengerusi Auditor serta disertai oleh Profesor Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Dato' Profesor Ar. Parid Wardi Sudin dari Lim Kok Wing University, Profesor Dr. Zainab Abu Bakar dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Profesor Walter Wong dari Monash University Malaysia bersama dua orang urus setia dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Lawatan itu bertujuan untuk memantau prestasi UMP sepanjang ianya beroperasi sejak tahun 2002.

Delegasi panel auditor telah disambut oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir Ibrahim bersama Pengurusan Tertinggi, Dekan-Dekan serta Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Secara keseluruhannya, panel berpuas hati dengan tahap prestasi UMP selepas melihat beberapa kejayaan dan pencapaian cemerlang yang dicapai sejak ianya ditubuhkan.

Antara aspek yang harus dibanggakan adalah kesungguhan Pengurusan Universiti membangunkan Pelan Strategik Universiti yang dianggap jelas dari segi hala tuju, lengkap dari segi pelaksanaan dan mempunyai hubungan yang sangat baik dengan industri.

Malahan panel juga merasa kagum dengan pencapaian pelajar dan Alumni yang rata-rata mereka merasa sangat gembira dan seronok mengikuti pengajian di UMP.

Di samping itu, UMP juga harus diberi pujian di atas usaha menggunakan elemen teknologi maklumat & komunikasi dengan penggunaan *Integrated Management System* (IMS) di dalam segala urusan di Universiti termasuk yang berkaitan sumber manusia, kewangan dan pengurusan akademik.

Namun begitu terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki oleh UMP, antaranya adalah di dalam aspek pembangunan di mana kemudahan sukan dan riadah perlu ditingkatkan, persekitaran asrama dan kafeteria perlu lebih selesa dan sebagainya.

UMP juga perlu memperbanyakkan lagi penglibatan pemegang taruh (*stake holder*) di dalam pembangunan kurikulum.

Semoga dengan pencapaian ini dapat meletakkan UMP seiring dengan universiti ternama dan seterusnya dapat menjadi sebuah universiti yang menjadi Pilihan Pertama, Bertaraf Dunia dan Berjenama.

Syabas kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan proses audit berkenaan.

4 program kejuruteraan lalui proses akreditasi

Oleh: AHMAD SALIMI ASHAARI



Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima lawatan panel penilaian akreditasi daripada Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) untuk membuat penilaian ke atas empat program kejuruteraan yang ditawarkan oleh UMP.

Lawatan dua hari itu bermula pada 13 hingga 14 Oktober 2009 yang lalu melibatkan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) di UMP Kampus Gambang serta Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) di UMP Kampus Pekan.

Tujuan lawatan diadakan adalah untuk menilai program kejuruteraan di fakulti berkenaan berdasarkan Manual Penilaian Program Kejuruteraan.

Empat program kejuruteraan yang dinilai ialah program Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas) di FKKSA,

Sarjana Muda Kejuruteraan Awam di FKASA serta Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di FKM

Lawatan oleh BEM itu diketuai oleh Ketua Panel, Yang Berbahagia Dato' Ir. Profesor Dr. Eric Goh selaku Ketua Panel Penilai manakala UMP diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd.

Turut hadir Dekan FKKSA, Profesor Madya Zulkafli Hassan, Dekan FKASA, Profesor Engr. Ir Ideris Zakaria dan Dekan FKM, Profesor Dr. Rosli Abu Bakar.

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Sabarudin turut menerangkan mengenai UMP secara keseluruhannya dan proses pembangunan pengajaran dan pembelajaran di ketiga-tiga buah fakulti yang akan dinilai secara khususnya.

Lawatan tertumpu kepada taklimat dan

soal jawab bersama Dekan dan kakitangan akademik fakulti, pemeriksaan dokumen di fakulti terlibat dan lawatan ke sekitar UMP (Perpustakaan, dewan kuliah serta bilik kuliah).

Selain itu, temu bual bersama pemegang taruh (*stakeholder*) juga turut diadakan melibatkan wakil industri, ibu bapa dan alumni UMP.

Hasil daripada lawatan penilaian tersebut, secara umumnya kesemua program kejuruteraan yang melalui penilaian akreditasi telah memenuhi kriteria sebagaimana yang ditetapkan oleh Manual Penilaian Program.

Diharap dengan respon yang positif ini dapat memberi keyakinan kepada semua pihak terutama para pelajar bahawa program kejuruteraan di universiti ini sentiasa relevan dan diiktiraf oleh badan profesional yang dilantik.





UMP sediakan akses untuk lulusan politeknik

Pada 24 Oktober yang lalu, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) bersama dengan empat universiti di bawah Program Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah diadakan di Plaza Angsana Johor Bahru bersempena dengan Majlis Perasmian Karnival Kecemerlangan Politeknik 2009.

Majlis Manandatangani Memorandum Persefahaman tersebut telah disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin manakala UMP pula diwakili oleh Naib Canselornya, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

MTUN dianggotai oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Menurut Dato' Seri Mohamed Khaled, empat universiti tersebut akan menawarkan slot pengajian sehingga 20 peratus untuk lulusan politeknik

dan di bawah program tersebut, proses pemindahan kredit lulusan politeknik akan dipermudahkan sekali gus membantu pelajar-pelajar berkenaan memilih kursus yang mereka inginkan.

Dalam pada itu, Jabatan Politeknik juga akan bekerjasama dengan keempat-empat universiti berkenaan menerusi program tersebut bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar.

Di samping itu, pihak KPTM juga dalam rangka menyediakan kertas cadangan yang antara lain mengandungi fokus dalam melahirkan lulusan yang menepati pasaran kerja semasa dalam pelbagai industri berdasarkan kelulusan termasuk menaik taraf sistem pengajian politeknik.

Semoga dengan perjanjian ini, hubungan antara universiti dengan politeknik dapat dieratkan lagi dan seterusnya bersama-sama dalam membangunkan infrastruktur intelektual bagi menjana kredibiliti pelajar yang lebih berkualiti untuk meningkatkan sosioekonomi negara di samping memperkasakan lagi pengajian tinggi negara.





Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah diberi penghormatan untuk menyampaikan syarahan umum yang bertajuk *'How To Efficiently Implement The University-Industry Cooperation'* di National Chung Hsing University (NCHU), Taiwan pada 15 hingga 16 Oktober 2009 yang lalu.

Lebih membanggakan, UMP adalah satu-satunya wakil Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dari Malaysia yang telah dijemput untuk menghadiri forum yang bertajuk *'Presidents Forum of the World Universities'*.

Forum dua hari itu bertemakan *'The University's Role in the Development of Industry and Society'*.

Pihak NCHU telah menjemput presiden daripada universiti-universiti terkemuka untuk meningkatkan hubungan kerjasama dan bertukar pandangan dalam isu yang diketengahkan.

Pengajuran forum tersebut adalah atas dasar untuk meningkatkan hubungan kerjasama antara industri dengan akademik.

Meskipun dunia sedang dilanda krisis ekonomi yang serius, diharapkan melalui forum ini beberapa faktor seperti bagaimana untuk menangani krisis tersebut dan dalam masa yang sama membantu membangunkan ekonomi tempatan dan antarabangsa.

Selain itu juga, ia diharapkan cadangan yang dikemukakan oleh semua wakil dapat dijadikan rujukan untuk universiti, industri dan pihak kerajaan pada masa hadapan.

NC UMP sampaikan syarahan umum di NCHU Taiwan

Oleh: Helmi Mohd Isa





SEMANGAT..... Pelajar antarabangsa UMP dari negara China bersiap sedia untuk memukul gendang sempena pembuka tirai program *International Night*.



PRIHATIN..... Naib Canselor dan staf UMP bermurah hati menderma untuk Tabung Bencana Gempa Bumi di Sumatera Barat.



TURUN PADANG..... Para pelajar mengambil kesempatan berdiskusi dengan Naib Canselor sempena Majlis Perjumpaan Wakil Pelajar bersama Naib Canselor.



TAHNIAH..... Kegembiraan berganda buat para pelajar cemerlang apabila diberi ucapan tahniah daripada Canselor UMP dalam Majlis Konvokesyen Ke-4 baru-baru ini.



MESRA..... Alumni UMP beramah mesra dengan Naib Canselor dalam Majlis Makan Malam Graduan.



MENARIK..... Antara persembahan kebudayaan dari pelajar antarabangsa UMP dari Indonesia dalam program *International Night*.



SIMBOLIK..... Naib Canselor menyalakan pelita sebagai tanda perasmian Majlis Makan Malam Graduan.



ILMU..... Program Al-Kulliyah turut mewarnai Majlis Expoconvo & Academic Carnival di UMP.



HEBAT.....Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi mempamerkan kehandalan dalam menjaringkan bola di Karnival Bola Jaring UMP-MILO.



BINCANG.....Naib Canselor berbincang dengan wakil Perodua mengenai kehebatan robot industri yang bakal digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran di UMP.



BERENTAP.....Pasukan Bola Sepak UMP dan UniKL berentap merebut kejuaraan dalam perlawanan persahabatan di Stadium Cheras, Kuala Lumpur.



TERIMA.....Tengku Mahkota Pahang menyempurnakan pemakaian Pangkat Mejar Kehormat Askar Wataniah kepada Profesor Dr. Rosli Abu Bakar.

Klik! Klik! Lensa



PENGHARGAAN.....Naib Canselor menyampaikan cenderahati kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti selepas merasmikan Expoconvo & Academic Carnival 2009.



TEKUN..... Wartawan Sidang Editorial Create tekun mencatat apa yang diperkatakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti ketika sesi wawancara baru-baru ini.



CANTIK.....Booth UMP tersergam indah dalam Pameran BioMalaysia 2009 di KLCC, Kuala Lumpur.



GEMBIRA.....Pemain Petronas gembira selepas diumumkan sebagai juara kategori terbuka Karnival Bola Jaring UMP-MILO.

60 pelajar UMP lawat luar negara

Selaras dengan hasrat Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi memastikan semua pelajar di universiti mendapat pendedahan di peringkat antarabangsa, sebanyak lapan program lawatan akademik telah diaturkan oleh Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) dan Pejabat Antarabangsa (IO) sepanjang bulan November dan Disember 2009 baru-baru ini.

Objektif utama program itu untuk memberikan pendedahan kepada persekitaran global secara meluas kepada seramai mungkin pelajar di samping membolehkan mereka membina jaringan persahabatan dan kerjasama dengan pelajar daripada universiti di luar negara.

Secara keseluruhannya, seramai lebih 60 orang pelajar daripada semua fakulti telah terlibat dalam

program ini.

Nama-nama mereka yang terlibat telah dicadangkan oleh fakulti masing-masing dan disaring melalui satu proses temu duga yang dilakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Sabarudin Mohd.

Pelajar yang berjaya dalam temu duga tersebut telah dibahagikan mengikut destinasi-destinasi yang terlibat seperti Indonesia, Hong Kong, China, Mesir, Ireland dan Amerika Syarikat.

Adalah diharapkan, pelajar dan staf yang terlibat dengan program lawatan akademik yang dijalankan ini bukan sahaja dapat memanfaatkan pengalaman yang mereka timba sepanjang lawatan tersebut malahan dapat juga berkongsi pengalaman tersebut dengan rakan staf dan pelajar yang lain di universiti ini.



44 pelajar negara China bakal ikuti PIE 2010

Oleh: ROSILAVI MAT JUSOH

Dalam agenda pengantarabangsaaannya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mensasarkan hubungan kerjasama akademik yang lebih mantap dengan Universiti-universiti di negara China.

Justeru, seramai 44 pelajar dari Beijing International Studies University (BISU) dan Hebei Normal University (HNU), China dijangka bakal mendaftar di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada Januari 2010 bagi mengikuti program PIE 2010.

Pelajar yang lulus mengikuti program itu akan ditawarkan tempat untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda pada kemasukan Sesi Akademik 2010/2011 pada Julai 2010 akan datang.

Pengambilan pelajar tersebut adalah susulan daripada satu delegasi lawatan yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Sabarudin

Mohd semasa mengadakan lawatan kerja rasmi dan sesi temu duga untuk memilih calon yang sesuai bagi mengikuti Program PIE 2010 pada 19 hingga 21 Oktober 2009 yang lalu.

Lawatan tersebut bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan kerjasama akademik dengan universiti di negara China.

Lawatan tiga hari itu turut membincangkan susulan dengan pihak Beijing International Studies University (BISU) berkenaan program kerjasama akademik dan perbincangan susulan dengan pihak Hebei Normal University (HNU) berkenaan penubuhan Confucius Institute for Mandarin Language di UMP

Ternyata, lawatan itu dapat menambahkan lagi bilangan komuniti global yang ada di UMP selaras dengan KPI Pengantarabangsaan Universiti.



Jabatan Penyelidikan & Inovasi adakan lawatan ke Taiwan

Oleh: HELMI MOHD ISA

Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Taiwan pada 18 hingga 21 Oktober 2009 yang lalu.


Objektif utama lawatan ke Taiwan adalah untuk menanda aras pembangunan Pusat Inkubator dan juga pelaksanaan makmal berpusat di universiti-universiti terkemuka di sana serta mewujudkan rangkaian kerjasama dalam penyelidikan dan inovasi.

Lawatan ini juga selaras dengan hasrat UMP untuk menubuhkan Pusat Inkubator dan Makmal Berpusat di UMP.

Lawatan empat hari itu diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus.

Turut sama dalam lawatan berkenaan ialah Dekan Penyelidikan, Profesor Ir. Dr. Jailani Salihon dan Pengarah Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC), Profesor Dr. Shamsuddin Baharin.

Antara Pusat Inkubator yang dilawati ialah Innovation Incubator of National Chung Hsing University (NCHU), Business Incubation Center of Feng Chia University (FCU), National Taiwan University (NTU) Innovation Center dan National Yang Ming University (NYMU) Incubation Center.



Teknologi Hijau tingkat kualiti kehidupan rakyat Malaysia

Teknologi hijau memainkan peranan yang penting dalam model ekonomi baharu kerana ia akan menjadi jentera pertumbuhan baharu negara ini selaras dengan harapan kerajaan untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Malaysia.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Yang Berhormat Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, walaupun teknologi hijau merupakan perkara baharu namun penggunaannya telah lama dipraktikkan di kebanyakan negara di seluruh dunia.

“Oleh itu, persidangan dengan tema “Pemuliharaan dan Kelestarian” ini amat sesuai sekali diadakan memandangkan suasana dunia yang seringkali dilanda bencana alam,” katanya pada majlis perasmian Persidangan Kebangsaan Alam Sekitar dan Sumber Alam (RCER’09) di Hotel M.S. Garden Kuantan pada 7 November 2009 yang lalu.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Setiausaha Bahagian Kanan, Sektor Teknologi Hijau, Mohd Rosli Abdullah.

Beliau berkata, dengan penggunaan dan pembangunan teknologi hijau untuk pengurusan alam sekitar mampu meningkatkan produktiviti alam semula jadi, mengurangkan kos kerajaan menangani pencemaran, meningkatkan permintaan untuk produk, peralatan dan sistem teknologi hijau juga turut meningkatkan penyelidikan dan inovasi.

Jelasnya lagi, teknologi hijau merupakan penggunaan aplikasi teknologi moden dalam memulihara sumber dan alam sekitar di samping berkesan mengawal kesan negatif pencemaran akibat aktiviti manusia.

Seramai lebih 120 ahli akademik termasuk pensyarah dari universiti dalam dan luar negara telah mengikuti persidangan anjuran Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 7 hingga 8 November 2009 yang lalu.

Persidangan dua hari itu turut dihadiri peserta dari Jepun, Indonesia, Pakistan, China serta Australia.

Pengerusi Jawatankuasa Persidangan, Abdul Syukur Abd Razak berkata, persidangan kali ini bertujuan untuk mengumpul pakar-pakar dalam bidang kejuruteraan awam untuk bertukar maklumat dalam mencari penyelesaian terhadap pengurusan alam sekitar dengan lebih berkesan.





Kira-kira 1,000 warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) diraikan di Majlis Kesyukuran dan Ucapan Terima Kasih yang diadakan bagi menghargai sumbangan dan komitmen mereka dalam menjayakan pelbagai acara dan aktiviti universiti sepanjang tahun 2009 ini.

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, tanpa sokongan, komitmen dan kerjasama seluruh warga kerja UMP, sukar bagi pihak pengurusan universiti melaksanakan semua aktiviti dengan lancar dan sempurna.

"Oleh itu, majlis ini diadakan bagi menghargai sumbangan yang diberikan oleh staf UMP dan juga rakan-rakan media dan juga pelbagai agensi kerajaan.

"Saya berharap hubungan baik ini akan terus dikekalkan serta disuburkan lagi untuk manfaat bersama di masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis tersebut yang diadakan di Dataran Canseleri pada 29 Oktober 2009 yang lalu.

Di samping itu juga, beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada ketua jabatan dan dekan setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah menyertai dan memberikan kerjasama dalam penganjuran Majlis Berbuka Puasa sepanjang bulan Ramadan yang lalu.

Antara acara-acara besar yang pernah diadakan oleh UMP ialah Perhimpunan Warga UMP Bersama YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak yang pada ketika itu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, dan Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Zon Timur, Majlis Konvokesyen Komemoratif dan Majlis Konvokesyen Ke-4 UMP, *Academic Carnival* dan *Expoconvo*, Majlis Pelancaran Buku Haknuk, Anugerah Cendekia Bitara, Audit Persijilan 5S dan Audit Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Jelas beliau lagi, kesemua acara ini mencerminkan usaha dan komitmen yang berterusan serta kerjasama rapat antara pengurusan tertinggi universiti dengan staf di setiap PTJ dan sewajarnya sumbangan mereka ini dihargai.

Selain itu, UMP juga telah berjaya menganjurkan pelbagai persidangan di peringkat antarabangsa, antaranya termasuklah *International Conference on Computer Systems & Software Engineering (ICSES)*, *The Third Malaysia Technical Universities Conference & Exhibition on Engineering and Technology (MUCEET)* dan *International Conference on Human Capital Development (ICONHCD)*.

1,000 warga kerja UMP diraikan di Majlis Kesyukuran





UMP anjur ICSECS'09

Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Perisian dan Sistem Komputer (ICSECS'09) yang bertemakan "ICT and Industry: The Way forward" anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Hotel Swiss Garden Resort and Spa Kuantan pada 19 hingga 21 Oktober 2009 yang lalu membuktikan betapa pentingnya ICT dewasa ini.

Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan Yaakob turut mengiyakan hal ini bahawa ICT akan dapat menghasilkan sumber ekonomi baharu dalam meningkatkan nilai tambah kepada produk

ekonomi negeri sedia ada. "ICSECS'09 merupakan anjuran bersama Kerajaan Negeri Pahang dan sebanyak 200 kertas kerja telah dibentangkan selama tiga hari berturut-turut dari pelbagai negara seperti Pakistan, India, Jordan, Amerika Syarikat, Indonesia, Thailand, dan Ghana bagi membincangkan secara serius tentang aplikasi, metodologi dan teknologi terbaharu kejuruteraan perisian terutamanya dalam industri petrokimia, bioteknologi, pembuatan, dan automotif.

Hasil persidangan ini juga, Kerajaan Negeri Pahang telah

mencapai satu resolusi apabila berjaya mengenal pasti lima ICT Kluster yang berpotensi memacu pertumbuhan ekonomi negara berasaskan pengetahuan (k-Ekonomi) di bawah Pelan Strategik Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) negeri. Antaranya ialah perkhidmatan logistik dan data, Agro-Bioteknologi, Aplikasi serta kandungan pendidikan dan pembelajaran, teknologi komunikasi untuk pertahanan dan kandungan multimedia bersepadu.

"Lima ICT Kluster juga dijangka akan menjadi industri yang ideal di masa hadapan dan selari

dengan fokus pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)," tambah YAB Dato' Sri Adnan Yaakob dalam satu sidang media selepas Majlis Perasmian dan Makan Malam bersempena Persidangan ICSECS'09.

Persidangan ini juga turut diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Sharkar Haji Shamsudin, Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengerusi ICSECS, Profesor





Madya Dr. Jasni Mohamad Zain.

Bagi menjayakan persidangan ini supaya ia dapat menjadi satu platform dalam memberi pendedahan kepada para peserta dengan maklumat berkaitan bidang kejuruteraan perisian dan sistem komputer, Dr. Jasni turut menjemput Profesor Dr. Hugo de Garis dari Wuhan University, China, Profesor Dr. Junzo Watada dari Waseda University, Japan, Profesor Madya Dr. Eyas El-Qawasmeh dari Jordan University, Jordan, Pengerusi MDeC, Yang Berbahagia Dato' Badlisham Ghazali dan Yang Berhormat Dato'

Haji Mohd Sharkar Haji Shamsudin, yang menjadi pengucap utama dalam persidangan tersebut.

Oleh itu, dengan adanya persidangan seumpama ini, diharapkan ia dapat menjadi satu wadah ke arah membentuk hubungan kerjasama dan jaringan yang akan menyatukan pelbagai pihak dalam memartabatkan bidang ICT di industri.

Dalam majlis yang sama, satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dengan HeiTech Padu Berhad ditandatangani bagi menjalinkan kerjasama projek penubuhan *Oracle Academy*

dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan pembangunan perisian.

MoU itu diwakili oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bagi pihak UMP dan Shafie Mohamad selaku wakil dan merangkap Presiden HeiTech Padu Berhad.

Hari yang bersejarah itu telah disaksikan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Adnan Yaakob selepas merasmikan persidangan tersebut.

Dengan adanya persefahaman ini, diharapkan UMP dapat

bekerjasama dengan pihak HeiTech bagi membangunkan bidang kejuruteraan perisian di kawasan setempat di negeri Pahang Darul Makmur.

Kepakaran UMP dalam pembangunan aplikasi juga diharapkan akan memperkembangkan kajian serta membangunkan modal insan melalui seminar, kolokium, bengkel dan kursus kepada masyarakat setempat.





Kajian Sebatian Semula Jadi dapat pengiktirafan antarabangsa

Lebih 50 aktiviti kajian Sebatian Semula Jadi oleh para penyelidik dari universiti dan industri telah digunakan di peringkat nasional dan global.

Ini membuktikan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh para saintis mampu mendatangkan nilai ekonomi yang lumayan kepada negara.

Menurut Pengerusi Persatuan Sebatian Semula Jadi Malaysia (MNPS), Profesor Dato' Dr. Ikram M.Said, para saintis tempatan telah melibatkan diri dalam penyelidikan Sebatian Semula Jadi hampir 50 tahun dan hasil penyelidikan mereka banyak memberi faedah kepada negara.

"Kajian sebatian semula jadi meliputi ruang lingkup yang luas dan bermanfaat besar dalam kehidupan manusia," katanya ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Sebatian Semula Jadi Malaysia (MNPIs2009) yang bertemakan "Penyelidikan dan Pembangunan Sebatian Semula Jadi: Petunjuk dari Alam" di Hotel M.S. Garden, Kuantan pada 23 November 2009 yang lalu.

Seminar dua hari anjuran Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Persatuan Sebatian Semula Jadi Malaysia (MNPS) itu bertujuan untuk menyediakan platform kepada para saintis muda dan pakar-pakar dalam bidang sebatian semula jadi berkumpul dan bertukar-tukar pandangan untuk mengenal pasti peluang dan cabaran semasa dalam memperkasakan penyelidikan dalam bidang kajian kimia sebatian semula jadi.

Seminar julung kali yang diadakan di Pantai Timur itu adalah sempena sambutan jubli perak penubuhan persatuan itu.

Seminar tersebut mendapat penyertaan yang amat mengalakkan dengan kehadiran kira-kira 222 peserta dari dalam dan luar negara sepanjang dua hari ia berlangsung.

Detik bersejarah itu juga turut menyaksikan penganugerahan Pingat Emas Persatuan Sebatian Semula Jadi Malaysia kepada Presiden Persatuan Fitokimia Asia, Profesor Dr. Yoshinori Asakawa dari Universiti Tokushima Bunri, Jepun atas sumbangan beliau dalam pembangunan dan kajian kimia sebatian semula jadi.

Hadir sama Dekan FSTI, Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan pegawai-pegawai kanan UMP.





International Night - tonjolkan budaya dan hidangan tradisi



Usaha Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam memmanifestasikan kepelbagaian budaya dan tradisi pelajar luar negara terselrah dengan penganjuran *International Night* bersempena *Academic Carnival* dan *Expoconvo'09* pada 30 September 2009 yang lalu.

Hampir 150 orang pelajar antarabangsa telah bergabung tenaga untuk mempromosikan budaya dan hidangan tradisi yang julung kali diadakan di UMP.

Persembahan yang diadakan di Dataran Canseleri, UMP itu lebih menjurus kepada memperkenalkan dan berkongsi kebudayaan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang menuntut di UMP seperti dari Indonesia, Yaman, Sudan, China, Pakistan, Uzbekistan dan Iraq.

Program julung kali itu cukup

istimewa kerana warga kampus berpeluang melihat, merasai dan mengetahui keistimewaan makanan, keunikan budaya seperti tarian tradisional dan pakaian tradisi yang dipersembahkan oleh pelajar antarabangsa.

Menurut Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Antarabangsa, Arman A. Rahim, program itu bukan sahaja ingin menonjolkan kebudayaan dari negara luar tetapi ia secara tidak langsung mengurangkan jurang antara pelajar tempatan dengan pelajar antarabangsa yang menuntut di UMP.

Daripada maklum balas yang diterima, program itu diharapkan dapat dijadikan acara tahunan dalam setiap majlis konvokesyen kerana program tersebut disifatkan sangat unik.



e-Lib juara KIK

Kumpulan e-Lib dari Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menjuarai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang diadakan pada 28 Oktober 2009 yang lalu.

e-Lib yang dianggotai enam ahli berjaya meraih wang tunai sebanyak RM3,000 berserta piala dan cenderamata.

Manakala kumpulan Eagle dari Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKP) menduduki tempat kedua dengan membawa pulang wang kemenangan sebanyak RM 2,000 berserta cenderamata serta tempat ketiga jatuh kepada kumpulan Synergy dari Jabatan Penyelidikan & Inovasi yang mendapat hadiah sebanyak RM 1,000 berserta cenderamata.

Konvensyen julung kali itu adalah anjuran Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKP), UMP.

Konvensyen itu telah dirasmikan oleh Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim yang juga merangkap Pengerusi KIK pada 19 Oktober 2009 di Dewan Bankuet Kompleks Pentadbiran Utama, UMP.

Sebanyak 14 kumpulan turut serta pada peringkat saringan yang diadakan pada 19 hingga 20 Oktober 2009, namun, hanya lima

kumpulan sahaja yang berjaya ke peringkat akhir iaitu terdiri daripada Kumpulan BMW dari Pejabat Naib Canselor (PNC), Synergy dari Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Inno Tech dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Eagle dari PPKP dan e-Lib dari Perpustakaan.

Tuan Haji Mustafa berharap konvensyen ini akan menjadi aktiviti tahunan universiti yang berterusan bagi menggalakkan penglibatan semua jabatan dan fakulti sebagai mekanisme penyelesaian masalah kerja dan secara tidak langsung dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan di UMP.

“Semua jabatan hendaklah sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan cemerlang di dalam memenuhi visi dan misi UMP,” tambah beliau.

Manakala menurut ketua juri, Pengurus Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), Dr. Hj. Mustafa Hashim, beliau cukup berbangga dengan UMP yang membudayakan pengurusan KIK di tempat kerja bagi mengawal kos dan meningkatkan inovasi kerja.

Hadir sama bagi menyaksikan konvensyen peringkat akhir KIK ialah Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.





Kira-kira 60 orang pelajar sarjana Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil bahagian dalam pembentangan penyelidikan di program Kolokium Akademik yang bertajuk 'National Conference on Post Graduate Research' (NCON-PGR) 2009 pada 1 Oktober baru-baru ini.

Persidangan sehari yang melibatkan semua universiti dan institut di Malaysia itu bermula pada jam 8 pagi hingga 6 petang bersempena dengan program *Academic Carnival* UMP.

Persidangan yang julung kali diadakan itu memberi peluang kepada semua penyelidik ijazah sarjana membentangkan hasil penyelidikan mereka sambil dinilai oleh beberapa orang panel jemputan yang berpengalaman dalam bidang kejuruteraan antaranya seperti Profesor Dr. Masjuki Hassan, Profesor Dr. Md. Mustafizur Rahman, Dr. Ahmad Syahrizan Sulaiman dan Profesor K.V. Sharma.

Program tersebut diadakan dalam tiga sesi yang dihadiri oleh pembentang dari pelbagai bidang kejuruteraan.

Pada sesi pertama persidangan dihadiri seramai 15 orang pembentang manakala sesi kedua dihadiri oleh 20 orang pembentang dan diikuti dengan sesi ketiga pula dihadiri oleh 25 orang pembentang.

Setiap pembentangan akan dinilai oleh

juri profesional dari pelbagai bidang supaya juri tersebut dapat memberi maklum balas kepada penyelidikan para pelajar.

Menurut Nor Azna yang merupakan salah seorang pembentang, program ini telah memberi pendedahan kepada saya untuk menghadapi final viva.

"Saya dapat memperbaiki kesalahan yang saya lakukan ke atas penyelidikan saya sebelum terlambat.

"Para panel yang dipilih banyak memberi tunjuk ajar kepada saya mengenai penyelidikan yang saya buat dan bagaimana harus saya pertahankannya semasa menghadapi para panel di viva nanti.

"Saya rasa program ini harus diteruskan dan menjadi acara wajib *Academic Carnival* yang akan datang," katanya.

Diharapkan persidangan ini mencapai sasarannya untuk mempertingkatkan kualiti penyelidikan para penyelidik Ijazah Sarjana UMP dan memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia.

Persidangan ini juga merupakan platform bagi pelajar sarjana membentangkan kemajuan dan seterusnya menerbitkan kertas kerja tersebut di jurnal-jurnal penyelidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

NCON-PGR
platform terbaik
pelajar sarjana
UMP bentang
hasil penyelidikan





Akademik

NC UMP sampaikan Sijil Graduasi Pelajar MRSM

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah diberi penghormatan oleh Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kuantan untuk menyampaikan Sijil Graduasi kepada pelajar berkenaan sempena Majlis Graduasi Ke-23 MRSM Kuantan pada 22 Oktober 2009 yang lalu.

Majlis Graduasi diadakan bagi memberi penghargaan kepada para pelajar yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dalam ucapannya berkata, beliau amat berharap supaya pelajar terus berusaha untuk meneroka ilmu pengetahuan.

"Garis penamat pengajian anda di MRSM Kuantan pada hari ini merupakan garis permulaan kepada alam baharu yang lebih mencabar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selepas ini".

"Justeru, minda dan sikap anda perlulah berada dalam kesiap-siagaan yang tinggi bagi menghadapi cabaran-cabaran yang dikemukakan oleh perubahan suasana, budaya dan lingkungan pengaruh dalam alam baharu ini," katanya.

Seramai 307 oleh pelajar telah menerima Sijil Graduasi MRSM pada majlis berkenaan di samping beberapa anugerah lain seperti Anugerah Pencapaian Subjek Terbaik, Anugerah Akademik Terbaik (PNG 4.00), Anugerah Kepimpinan Terbaik, Anugerah Kokurikulum Terbaik, Anugerah Khas dan Tokoh Pelajar.



Kolokium PhD penanda aras penyelidikan pelajar PhD UMP



Buat julung kalinya Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah berkerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam menganjurkan program Kolokium PhD pada 15 hingga 17 Disember 2009 baru-baru ini di Dewan Kuliah Utama 1, UMP.

Program tiga hari itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian & Warisan, yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga & Hal Ehwal Wanita Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Haji Shafik Fauzan Haji Sharif.

Penganjuran kolokium ini adalah untuk memberi ruang kepada pelajar PhD UMP membenteng kajian atau prestasi penyelidikan semasa dan seterusnya menjadi satu penanda aras terutama kepada pelajar yang menerima pembiayaan UMP melalui Skim Biasiswazah Kedoktoran UMP.

Seramai 28 pembentang PhD telah membentangkan kertas kerja masing-masing yang dinilai oleh panel yang telah dilantik.

Antara panel jemputan yang hadir ialah Profesor Dr. Masjuki Hassan dari Universiti Malaya (UM), Profesor Ichirou Shiobara dari University of Waseda, Jepun, Profoser Madya Dr. K.Jeyaraman, Dr. Amirul Shah Md. Shahbudin, Dr. Abdul Hadi Bin Zulkafli, Dr. Azura Abdullah Effendi dan Dr. Malliga Marimuthu dari USM serta Profesor Madya Dato' Dr. Ishak Ismail dari Sekolah Pengurusan USM.

Selain membentangkan kertas kerja, kolokium itu juga diselang-selikan dengan slot ceramah dari wakil Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam usaha untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan kepentingan penyelidikan dan penerbitan penyelidikan itu.

Program tersebut dianjurkan bersempena dengan *The 8th Asian Academy of Management International Conference* yang berlangsung di Hyatt Regency Resort Kuantan bermula pada 18 hingga 19 Disember 2009 yang lalu.



Kira-kira 200 pelajar Fakulti Sains Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mendapat pendedahan daripada Syarikat HeiTech Padu Berhad menerusi program *Engineer's Week* anjuran fakulti tersebut pada 1 Oktober 2009 bertempat di Blok W, Dewan Kuliah Utama 2, UMP.

Program yang bertemakan '*Industry Needs From ICT Graduates*' itu disampaikan oleh Presiden HeiTech Padu Berhad, Tuan Haji Safiee Haji Mohammad.

Pelajar-pelajar FSKKP tersebut dapat mendengar sendiri kriteria graduan yang diperlukan oleh Syarikat IT apabila mereka mencari pekerjaan kelak terutamanya kriteria yang diperlukan daripada Syarikat HeiTech Padu Berhad.

Katanya, graduan perlulah memahami Teknologi Maklumat, *hardware*, sistem aplikasi Teknologi Maklumat, perisian, soft skills dan sebagainya.

"Para pelajar tidak perlu bimbang dalam mencari peluang pekerjaan dalam bidang IT kerana bidang ini semakin diperlukan

dewasa ini.

"Buktinya, HeiTech Padu Berhad sendiri membuka ruang kepada pelajar yang cemerlang untuk memasuki syarikat tersebut," tambah beliau lagi.

Pada masa yang sama, menurut Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pembangunan Pelajar), FSKKP, Wan Muhammad Syahrir Wan Hussin, program ini sangat bermanfaat kepada pelajar kerana ia memberi pendedahan mengenai keperluan industri terhadap graduan ICT.

"Pelajar-pelajar telah didedahkan mengenai kerjaya di dalam bidang kejuruteraan perisian dan rangkaian serta kemahiran yang diperlukan untuk berjaya di industri," katanya.

Syarikat HeiTech Padu Berhad merupakan sebuah syarikat yang terkemuka khususnya di dalam bidang Teknologi Maklumat utama di Malaysia yang member dan menyalurkan ICT sama ada kepada syarikat swasta atau agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan lain-lain.

Engineer's Week beri pendedahan graduan UMP dalam mencari pekerjaan



UMP jelajah Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia

Oleh: MOHD NARAWI HASSAN

Setiap tahun, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjelajah seluruh Kolej Matrikulasi di Malaysia dalam usaha mempromosikan UMP kepada pelajar kolej dan sekolah-sekolah di sekitarnya.

Program anjuran Kolej Matrikulasi yang diadakan selama tiga hari itu adalah bersempena dengan Program Minggu Kerjaya.

Program Minggu Kerjaya Kolej Matrikulasi itu adalah program yang pertama dihadiri oleh UMP selepas kemasukan pelajar Sesi Akademik 2009/2010 pada tahun 2009.

Program itu adalah berkonsepkan Pameran dan Ceramah kepada pelajar kolej dan sekolah sekitar.

Program bertujuan menyampaikan maklumat berkaitan UMP, syarat kemasukan dan program yang ditawarkan kepada pelajar Kolej Matrikulasi/sekolah di samping mempromosi UMP sebagai pilihan pertama pelajar untuk ke program Ijazah Sarjana Muda bagi pelajar Kolej Matrikulasi dan Diploma bagi pelajar sekolah.

Selain itu juga, ia bertujuan memberi pendedahan kepada pengunjung dari segi peluang kerjaya jika memilih UMP sebagai tempat untuk melanjutkan pengajian.

Selain pameran, pihak kolej turut mengadakan slot ceramah kepada pelajar aliran Sains Fizikal dan Sains Hayat yang telah disampaikan oleh wakil Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Pensyarah Fakulti di UMP.

Sehingga kini, program promosi yang disertai oleh UMP sentiasa mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung.





UMP johan Debat Bahasa Arab Piala Debat Diraja 2009

Oleh: SAHARUDIN RAMLI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya dinobatkan sebagai johan Bahasa Arab kategori Muda di Pertandingan Debat di-Raja 2009 dengan mengalahkan empat buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Bagi kategori Bahasa Arab, edisi kali ini merupakan pertandingan kedua yang disertai selepas Pertandingan Debat Diraja 2008 pada tahun lepas.

Selain itu juga, tiga orang pendebat telah dinobatkan sebagai 10 Pendebat Terbaik Keseluruhan iaitu Mohd Hafizuddin Zahari dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), di tempat kedua, Talhah Abdullah Amir juga dari FKKSA di tempat ketiga dan Hassanal Haris dari FKKSA di tempat keempat.

Pertandingan Debat Piala Diraja 2009 itu telah berlangsung di Universiti Malaya (UM) pada 3 hingga 8 Disember 2009 yang lalu, UMP menampilkan lapan pasukan yang terdiri dari tiga pasukan Bahasa Melayu, empat pasukan Bahasa Inggeris dan

satu pasukan Bahasa Arab.

Bagi kategori Bahasa Melayu, kesemua pasukan UMP gagal ke peringkat suku akhir. Pasukan UMP Utama A sekadar berpuas hati dengan tiga kemenangan daripada enam perlawanan manakala kedua-dua pasukan muda sekadar berpuas hati dengan dua kemenangan daripada enam perlawanan yang meletakkan UMP di kedudukan 37, 59 dan 64 dari 76 pasukan yang bertanding.

Selain itu, seramai lima orang pendebat UMP telah dinobatkan sebagai pendebat terbaik perlawanan iaitu Masita Md Shah dan Mohd Firdaus Hashim dari Pasukan UMP Utama A, Siti Aisyah Mustapha dan Mohd Qusyairi Hashim dari UMP Muda A dan Mohd Helmi Othman dari UMP Muda B.

Bagi kategori Bahasa Inggeris pula, kesemua pasukan UMP gagal ke peringkat suku akhir dan hanya memenangi dua perlawanan di peringkat saringan.

Secara keseluruhannya, UMP menampilkan kesemua pasukan baharu dan menunjukkan peningkatan prestasi terutamanya pasukan pendebat Bahasa Arab.

Majlis Makan Malam Graduan UMP meriah

Oleh: HUSNI IDAYU HUSIN

Pada 3 Oktober 2009 yang lalu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan Majlis Makan Malam Graduan sempena Majlis Konvokesyen Komemoratif & Konvokesyen Ke-4 UMP di Bukit Gambang Resort City.

Majlis tersebut bertujuan meraikan graduan-graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di UMP di samping memberi peluang kepada graduan untuk beramah mesra dengan Naib Canselor. Selain itu, ia juga merupakan medan untuk menghimpunkan semua graduan untuk berkongsi kegembiraan serta menjalinkan hubungan silaturahim.

Majlis yang berkonsepkan

hari raya itu dihadiri oleh hampir 500 graduan, Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pegawai utama universiti, pegawai-pegawai JHEPA, ahli jawatankuasa Persatuan Alumni dan jemputan khas dari Sekolah Pendidikan Khas Kuantan turut hadir memeriahkan majlis berkenaan.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan pembukaan oleh penari-penari dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, persembahan istimewa dari pelajar-pelajar Sekolah Pendidikan Khas Kuantan dan tarian dari Kelab Kebudayaan yang terdiri daripada pelajar-pelajar UMP.





Oleh: LIM MIN SIANG

Satu program latihan yang berprestij khas untuk pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah dilancarkan pada 14 November 2009 baru-baru ini oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Culture, Ideas and Values Programme (CIVP) adalah sebuah program yang bertujuan untuk membina dan melatih bakal-bakal pemimpin yang mana pesertanya terdiri di kalangan pelajar-pelajar IPT.

Ia dijalankan menerusi latihan intensif selama empat minggu yang menggunakan latihan *9 Intelligences* yang diterajui oleh Professor Howard Gardner dari Universiti Harvard.

9 Intelligences digunakan untuk mencari dan mencungkil kemampuan berfikir dengan lebih mendalam.

Dalam masa yang sama para pelajar akan melalui program dan aktiviti pembelajaran yang efektif dan menyeronokkan bagi meningkatkan prestasi.

Program yang seakan-akan *Finishing School* itu juga mampu menggilap bakal graduan IPT menjadi modal kerja bertaraf dunia dan holistik.

Seramai 32 pelajar yang mewakili IPT masing-masing turut serta dalam program latihan intensif ini.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menghantar seramai lima pelajar

iaitu Lim Min Siang, Tio Thiam Boon, Salman Razeni, Kioh Shin Fang dan Teoh Yeong Chia.

Kesemua pelajar itu telah melalui proses saringan yang teliti sebelum terpilih untuk mengikuti program latihan ini.

Sepanjang empat minggu latihan, pelajar telah didedahkan oleh pengetahuan baharu melalui perkongsian pengalaman daripada tokoh-tokoh pemimpin dalam politik, perniagaan dan pengurusan, sejarah, psikologi, kebudayaan, muzik, sains, ekonomi, keagamaan dan ketenteraan.

Latihan di CIVP adalah berdasarkan kombinasi penggunaan kelas dan pengalaman belajar. Ucapan kepimpinan dari tokoh-tokoh pemimpin diadakan setiap hari sebagai slot tetap latihan ini bagi menghubungkan pelajar terus dengan pemimpin-pemimpin ini melalui pengalaman-pengalaman kepimpinan yang diceritakan.

CIVP adalah satu program yang melibatkan pelaburan yang besar untuk membina potensi pelajar sebagai bakal pemimpin. Selepas berakhirnya program ini, pada 12 Disember 2009, semua peserta dari UMP pulang dengan penuh berinspirasi untuk menjadi pemimpin global yang bakal menaikkan nama universiti dan negara.

CIVP

latih bakal pemimpin



THE SECOND ASIA PACIFIC CONFERENCE ON MANUFACTURING SYSTEMS (APCOMS) 2009



Oleh: HELMI MOHD ISA

Pengarah Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Shamsuddin Baharin telah dijemput untuk menyampaikan ucapan utama pada 4 November 2009 yang lalu di program *The Second Asia Pacific Conference on Manufacturing Systems 2009 (APCOMS)*.

Program itu telah berlangsung di The Phoenix Hotel, Jogjakarta, Indonesia.

Program kali ini dianjurkan secara usaha sama antara pihak Institut Teknologi Bandung (ITB) dan Universitas Islam Indonesia (UII) yang dikendalikan secara khusus oleh staf dan para pelajar dari Fakulti Teknologi Industri.

Tema APCOMS 2009 ialah *Reconfigurable Manufacturing System for Facing Turbulent Manufacturing Environment*.

Antara isi penting yang disentuh oleh Profesor Dr. Shamsuddin dalam ucapan utamanya adalah mengenai situasi semasa perkembangan teknologi pembuatan di seluruh dunia dan juga di Malaysia dengan mengambil kira PROTON sebagai penanda aras kegemilangan pengeluar kereta nasional yang terlibat secara langsung dengan industri pembuatan dan automotif.



25 pelajar UMP tawan puncak Gunung Ledang

Oleh: NOR AZAZI MAMAT

Seramai 25 peserta telah berjaya menawan puncak Gunung Ledang pada 23 hingga 25 November 2009 yang lalu.

Program Eksplorasi Gunung Ledang Rakan Muda itu adalah anjuran bersama Pusat Sukan dan Sekretariat Rakan Muda Universiti Malaysia Pahang (UMP) Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Proses pendakian para merupakan antara cabaran getir yang terpaksa dilalui oleh peserta. Ternyata peranan tiga Jurupandu yang dilantik oleh pihak Taman Negeri banyak membantu peserta dalam proses pendakian.

Permulaan pendakian yang agak lewat kerana hujan dan laluan mendaki licin dan merbahaya serta kesejukan langsung tidak menggugat semangat Ahli Rakan Muda UMP untuk terus mendaki sehingga ke puncak. Akhirnya, kepayahan yang dilalui berbaloi apabila para peserta tiba di puncak dan menikmati keindahan Puncak Gunung Ledang sepuasnya yang pada ketika itu diseliputi kabus.

Selepas berada sejam menikmati keindahan di Puncak Gunung Ledang, peserta bersiap sedia untuk menuruni Gunung Ledang sehingga ke Tapak Perkhemahan Taman Negeri. Laluan penurunan lebih mencabar berbanding dari pendakian berikutan laluan licin dan berair.

Eksplorasi Gunung Ledang Rakan Muda telah berjaya mencapai objektif yang dirancang iaitu untuk menawan Puncak Gunung Ledang selain menikmati keindahan flora dan fauna yang terdapat di Gunung berkenaan serta memberi pengalaman baharu kepada setiap pendaki yang terlibat. Ia juga dapat memupuk semangat kerjasama antara semua peserta.

....menikmati keindahan flora dan fauna yang terdapat di Gunung berkenaan serta memberi pengalaman baharu kepada setiap pendaki yang terlibat. Ia juga dapat memupuk semangat kerjasama antara semua peserta.



UiTM dan Petronas juara Bola Jaring UMP-MILO 2009

Pasukan dari Petronas dan Universiti Teknologi MARA, Jengka (UiTM) telah menjuarai Karnival Bola Jaring UMP-MILO 2009 bagi kategori Terbuka dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang diadakan pada 20 hingga 22 November 2009 baru-baru ini di Kompleks Sukan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pasukan Petronas membawa pulang wang tunai RM1,500 beserta piala dan piala pusingan juga barangan tajaan Nestle Products Sdn.Bhd. manakala pasukan UiTM membawa pulang wang tunai RM1,000 beserta piala dan produk Nestle.

Kesemua hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Ketua Timbalan Pendaftara yang juga merangkap Penanang Kejohanan, Datin Fazia Ali, Pemangku Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin di Majlis Penutup Karnival Bola jaring UMP-MILO 2009.

Nurrohanim Ahmad dari pasukan Petronas telah dianugerahkan sebagai pemain terbaik kategori terbuka manakala Nur Shuhada Sakarhana sebagai pemain terbaik kategori IPT.

Sebanyak 25 pasukan telah menyahut cabaran bersaing bagi merebut kejuaraan yang menawarkan hadiah keseluruhan RM5,000.

Karnival Bola Jaring yang bertemakan “ Wanita Penggerak Semangat Kesukanan itu adalah yang terulung dan julung kali dianjurkan oleh UMP.

Program anjuran bersama Pusat Sukan UMP dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Pahang terbuka kepada dua kategori penyertaan iaitu kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan kategori terbuka yang menasaskan penyertaan dari jabatan-jabatan kerajaan, sektor korporat dan orang awam.

Naib Johan telah disandang oleh Pasukan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) berjaya menduduki di tempat ketiga.

Menurut Datin Fazia Ali, karnival bola jaring ini telah berlangsung dengan jayanya di sini dan berharap dengan kemudahan yang ada di UMP pelbagai acara serta penganjuran sukan peringkat negeri dan kebangsaan dapat diadakan di UMP.

“Kejayaan ini telah membuktikan kesungguhan pihak UMP untuk meletakkan karnival ini sebagai satu temasya yang menjadi kebanggaan kepada semua warga UMP dan seluruh rakyat negeri Pahang.

Terdahulu kejohanan ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Bahagian Sukan, Kementerian

Pengajian Tinggi, Dr.Saharuddin Ismail pada 21 November yang lalu.

Menurut Dr. Saharuddin, Kerajaan dan kementerian sangat komited dalam melahirkan modal insan yang cemerlang bukan sahaja dari segi pembangunan intelek tetapi juga jasmani dan insaniah.

“Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan tujuh teras utama dalam melaksanakan Dasar Pembangunan Sukan Institut Pengajian Tinggi (DPSIPT) untuk melahirkan generasi atlet intelek yang seimbang pencapaian sukan dan pembangunan akademik.

“Tujuh teras iaitu program pembangunan sukan, pembangunan infrastruktur sukan, pembangunan pusat kecemerlangan sukan, skim kecemerlangan/kebakjikan, insentif dan penyelidikan sukan, pembangunan akademik atlet, pembangunan pengajian sukan di IPT dan promosi jaringan kerja.

“Melalui teras ini, jika dilaksanakan mampu meningkatkan nilai profesionalisme atlit lepasan IPT untuk menguasai pasaran kerja domestik dan antarabangsa dalam bidang sukan,” katanya.



20

sertai program Berbasikal Lasak

Oleh: NOR AZAZI MAMAT

Aktiviti lasak sering digemari oleh para belia masa kini. Di atas inisiatif tersebut, pada 31 Oktober 2009 yang lalu, Pusat Sukan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menjayakan Cabaran Basikal Lasak UMP 2009 ke Sungai Lembing.

Program julung kali itu yang disertai 20 peserta di kalangan staf dan pelajar UMP diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada peserta bagaimana mengendalikan basikal lasak (*mountain bike*) dari aspek kawalan dan penggunaan basikal.

Di samping menikmati flora dan fauna di kawasan hutan Sungai Lembing, peserta turut didedahkan dengan penggunaan basikal dari aspek pendakian dan penurunan curam yang berkesan.

Aktiviti berbasikal bermula di Kampung Kuala Kenau menuju ke Bandar Sungai Lembing melalui laluan perkampungan Orang Asli Kampung Sungai Mas dan Sungai Jin.

Sepanjang perjalanan, peserta perlu mengharungi laluan berbukit dan juga berbatu untuk sampai ke lokasi terakhir iaitu di Bandar Sungai Lembing.

Ketika kayuhan basikal, pelbagai disiplin telah didedahkan kepada peserta iaitu kayuhan mendaki dan menuruni bukit dan kawalan basikal ketika laluan berbatu.

Peserta berhenti rehat untuk makan tengah hari di Air Terjun Kolam Air Panas di samping menikmati keindahan kawasan sekitar dan juga sempat untuk mandi-manda menghilangkan kepenatan.

Perjalanan Cabaran Basikal Lasak ini mengambil masa selama empat jam dan para peserta telah mengharungi aktiviti berbasikal sejauh 18 kilometer dengan laluan berbukit dan berbatu dengan selamat dalam pelbagai pengalaman yang menarik.



Pemenang Hadiah Pelajaran di-Raja UMP kini *Application Developer*

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA

Gunasegaran a/l Krishnan, 27, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), Universiti Malaysia Pahang (UMP) merupakan Pemenang Hadiah Pelajaran di-raja pada Majlis Konvokesyen Pertama Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) pada 12 Ogos 2006.

Beliau yang sebelum ini memulakan kerjaya sebagai *Software Engineer* di Syarikat Tricubes Bhd., Ampang kini bertukar pula ke MCash (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur sebagai *Application Support Software Engineer*.

Pada Ogos 2008, beliau telah ditawarkan bekerja di TBWA\Tequila (M) Sdn. Bhd. di Kuala Lumpur sebagai *Application Developer*.

Antara kejayaan terbesar anak jati Selangor ini adalah membangunkan laman sesawang syarikat dengan berjaya memenangi dua pingat emas di peringkat antarabangsa bagi kategori *Government dan Structure and Navigation*.

Ketika di UMP, beliau merupakan seorang yang cukup aktif dan pernah memegang jawatan sebagai Exco Akademik Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Pelajar Kolej (JPK) dan pelbagai jawatan dalam kelab dan persatuan.

Malah, beliau juga merupakan wakil tunggal KUKTEM ketika itu bagi Lawatan Sambil Belajar ke New Zealand anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Menurut beliau, hasil dari ilmu dan pengalaman yang ditimba sepanjang belajar di UMP telah beliau manfaatkan dalam pembangunan kerjaya beliau.

“Ternyata tugas tersebut bukannya mudah dan berkat kesabaran, kegigihan dan kerja keraslah yang membantu saya memacu ke arah insan yang berjaya.

“Bak kata pepatah, ‘jika anda ingin berjaya jangan sekadar memandang ke arah tangga tersebut tetapi berusaha menaiki tangga tersebut,” ujar beliau.



“.....hasil dari ilmu dan pengalaman yang ditimba sepanjang belajar di UMP telah beliau manfaatkan dalam pembangunan kerjaya beliau.”

Latihan Industri landasan membina kerjaya

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA

“Semasa menjalani Latihan Industri (LI) di Industri Minyak & Gas, saya benar-benar tertarik dengan industri ini dan ingin memulakan kerjaya saya di sini”.

Begitulah ungkapan dari pelajar Ijazah Sarjana Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi), Muhd Bashori Abu Bakar, 24 tahun.

Beliau yang sebelum ini menjalani LI di Syarikat Technip Geoproduction (M) Sdn. Bhd. akhirnya terus ditawarkan bekerja di syarikat berkenaan sebagai *Safety Engineer*.

Sehingga kini, beliau telah berkhidmat dengan syarikat tersebut selama satu tahun enam bulan.

Syarikat Technip yang merupakan pembekal terkemuka kejuruteraan, teknologi dan perkhidmatan pengurusan projek telah meneroka industri minyak dan gas selama 50 tahun.

Technip adalah syarikat multinasional yang berasal dari Perancis yang terletak di 46 buah negara di seluruh dunia.

Kegiatan utama yang dijalankan mencakupi tiga segmen iaitu di darat, luar pantai dan bawah laut.

Menurut beliau, tugas utama yang dilakukannya adalah merancang sistem *firewater* dan peralatan utama bomba untuk kedua-dua *onshore* (i.e. platform) dan *offshore* (i.e. kilang, terminal gas onshore dan lain-lain).

“Selain itu, saya juga bertanggungjawab melakukan semua pengajian berkaitan keselamatan iaitu (i.e. *Hazard & Operability Study*, *Hazard Identification*, *Quantitative Risk Assessment*) untuk memastikan rekaan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk beroperasi.

“CGPA bukan segalanya tapi nilai tambah dalam diri yang akan banyak membantu di masa hadapan,” katanya.

Jejak Alumni



“.....CGPA bukan segalanya tapi nilai tambah dalam diri yang akan banyak membantu di masa hadapan.”



Pelantikan Baharu



Haji Amiruddin Abu Bakar (DS45)
Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pembangunan Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
1 Oktober 2009 hingga 30 September 2011



Dr. Adzhar Kamaluddin (DS52)
Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pembangunan Pelajar)
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)
1 November 2009 hingga 31 Oktober 2011



Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin (VK-7)
Pemangku Dekan
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA)
1 Oktober 2009 sehingga diberitahu kelak



Mohd. Redzuan Ahmad (DS45)
Pengetua
Kolej Kediaman 4
1 Oktober 2009 sehingga 30 September 2010



Dr. Khairul Salleh Abdul Basit (UD47)
Ketua
Pusat Kesihatan Pelajar
1 Januari 2010 sehingga 31 Disember 2011

Pihak universiti penuh yakin dengan komitmen dan kepakaran staf UMP dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan kecemerlangan universiti.

Terbitan Terkini

Kecerdasan Emosi

Pengarang : Dzul Zabbarod Ahmad
ISBN : 978-967-5080-46-3
Harga : RM22.50
Jumlah Halaman : 44 muka surat

Ringkasan Kandungan

Buku ini mengupas mengenai kecerdasan emosi seseorang individu. Kecerdasan emosi adalah keupayaan untuk mengesan, memahami dan menggunakan kuasa ketajaman fikiran emosi sebagai sumber tenaga, maklumat dan pengaruh dengan lebih efektif. Ia wujud dari kerja hati manusia dan bukan dari pengetahuan. Ia memerlukan kita belajar mengetahui dan menilai perasaan kita dan orang lain supaya kita dapat bertindak dengan lebih baik kepada perasaan tersebut. Seterusnya kita dapat menggunakan maklumat dan tenaga emosi dalam kehidupan dan pekerjaan harian kita. Buku ini sesuai dibaca oleh remaja, pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), ibu bapa, kaunselor serta pendidik.



Industri Perbankan & Kewangan Islam

Pengarang : Abdul Jalil Borham
ISBN : 978-967-5080-38-8
Harga : RM35.00
Jumlah Halaman : 193 muka surat

Ringkasan Kandungan

Industri Perbankan & Kewangan Islam memberi gambaran tentang Sistem Perbankan dan Kewangan Islam di Malaysia, pelaksanaan dan perkembangannya sejak mula diwujudkan hingga perancangan peringkat global. Dilampirkan juga glosari muamalat Islam dalam perkataan Arab sebagaimana terkandung dalam kitab-kitab fiqh mu'amalah supaya pembaca mudah mencari dan memahami istilah sebenar. Buku ini sesuai untuk pelajar IPTA khususnya bagi yang mengambil kursus Perbankan dan Kewangan Islam.




Calculus for Science & Engineering

Author : Siti Zanariah Satari, Mohd Nizam Mohamad Kahar, Norazaliza Mohd Jamil
ISBN : 978-967-5080-61-6
Price : RM35.00
Pages : 283 pages

Synopsis

The main objective of this book is to find better ways to motivate students and facilitate their understanding about calculus. The writers have incorporated meaningful writing exercises at the end of each section and tutorial for each chapter. In particular, the writers have included numerous examples to give student a familiar context of various concepts and their applications. This book very useful for students who take major courses in computer science, mathematics, physics, engineering and others related fields.




DIY Satellite TV

Author : Zulkeflee Khalidin
ISBN : 978-967-5080-46-3
Price : RM 33.00
Pages : 56 pages

Synopsis

This book will outline various relevant information that surrounding TVRO technology. Television Receive Only (TVRO) satellite system technology is now not new to the world population including Malaysian public. There are various branding names for the lay-man but sometimes term coined by local commercial provider stay and is associated with the services. TVRO is widely used worldwide. Outside Malaysia, in countries like India, Thailand and Indonesia it is legal for public to own them. This is just another consumer electronics item can be handle with Do It Yourself-DIY-approach. DIY approach in various fields become popular because people have the tendency to turn things into hobby or keep expenses minimum by doing simple jobs that everyone can handle.





36

sertai Bengkel Kemahiran Pengurusan Maklumat

Buat julung kalinya, Perpustakaan UMP telah menganjurkan Bengkel Kemahiran Pengurusan Maklumat di Makmal Komputer, Perpustakaan pada 1 Oktober 2009.

Bengkel sehari sempena dengan *Academic Carnival* dan *Expoconvo'09* itu bertujuan untuk memberi tunjuk ajar kaedah pencarian bahan atas talian yang lebih efektif di samping memberi tunjuk ajar dalam mengurus maklumat secara elektronik bagi memudahkan pencarian dan kemaskini rekod yang disimpan secara elektronik.

Bengkel tersebut yang dihadiri seramai 36 orang peserta terdiri daripada pelajar dan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Panching, Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar Hilir, Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Putih, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota serta beberapa orang staf UMP itu dijalankan dalam dua sesi iatu sesi pagi dan sesi petang.

Menurut Pustakawan Kanan Sirkulasi, Perpustakaan UMP, Siti Aishah Ghani bengkel itu juga dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak sama ada perpustakaan secara khusus dan UMP secara umum serta para peserta bengkel.

“Peserta bengkel juga dapat mengetahui serba sedikit mengenai kemudahan yang ditawarkan oleh perpustakaan UMP kepada komuniti setempat.

“Selain itu, melalui bengkel itu juga mampu mewujudkan hubungan dua hala antara pihak sekolah dan juga perpustakaan.

“Bengkel ini sebagai langkah awal perpustakaan dalam memberi perkhidmatan kepada komuniti dan pada masa akan datang, pihak perpustakaan akan mengadakan beberapa aktiviti lain yang melibatkan masyarakat setempat terutamanya pihak sekolah bagi berkongsi sumber yang ada di perpustakaan,” katanya.



Oleh: NOORUL FARINA ARIFIN

Seramai dua staf Perpustakaan dan dua Dekan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil peluang menambah koleksi bahannya dengan turut serta dalam Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt 2009 (PBAF), Jerman pada 14 hingga 18 Oktober 2009 yang lalu.

Perjalanan selama lima hari itu memberi peluang kepada Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee, Pustakawan Perolehan, Noorul Farina Arifin dan dua wakil fakulti iaitu Dekan Fakulti Sains Teknologi & Industri (FSTI), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Profesor Dr. Ahmad Othman untuk membuat pemilihan buku dengan lebih terperinci.

Lawatan itu bertujuan membangunkan koleksi Perpustakaan UMP agar lebih berkualiti dan dapat memenuhi kehendak dan keperluan pengguna dari segi penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran; mendapatkan keseimbangan tajuk perkara bagi bahan-bahan Perpustakaan UMP dan melaksanakan salah satu kaedah perolehan bagi membangunkan koleksi perpustakaan.

Tambahan pula, Perpustakaan UMP kampus Pekan sedang dibangunkan dan memerlukan jumlah buku dan bahan pandang dengar dalam kuantiti yang banyak bagi memenuhi keperluan pelajar dan pensyarah.

Selain menyertai pameran buku (dalam dan luar negara), bagi membangunkan koleksi perpustakaan, pemilihan buku juga boleh dibuat melalui pesanan terus (melalui katalog pembekal, internet atau sumber lain), pemilihan gudang dan pameran buku serta *Books On Approval* (BOA).

PBAF adalah pesta buku terbesar di dunia yang diadakan pada bulan Oktober setiap tahun. PBAF 2009 adalah tempat perjumpaan bagi 180,000 penerbit dan pengedar dari 100 buah negara. Lebih 400,000 buku dipamerkan dan dari jumlah tersebut sebanyak 120,000 adalah judul buku baharu.

Buku terbitan Penerbit UMP bertajuk 'Haknuk: Orang Kita' hasil tulisan pelajar-pelajar Kelab In-Smartive UMP juga turut dipamerkan di Pesta Buku @ Messe Frankfurt tersebut oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM).

'Haknuk' dipamerkan dan dipromosikan bersama-sama dengan buku-buku terbitan tempatan seperti *Songket Revolution* terbitan Yayasan Tuanku Nur Zahirah, *Malaysian Mosques Book* dan lain-lain.

Perpustakaan UMP lawat PBAF untuk bangunkan koleksi



Fast Waste Water Blockage Detection (FWWBET): A Potential Solution for Household Blockage

By: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Internal waste pipes can easily lead to blockage with hair, grease, kitchen waste etc. Accordingly, putting off clearing them is not a good idea. As over time, not only the water will cease to flow, eventually, it will produce striking smells inside the property due to rotting materials blocked in the drain. If the pipe is severely blocked, which prevents the water from flowing, it can easily lead to the forming of damp on internal walls of the property.

This project is particularly adaptable to new buildings environment. It is a new and fast waste water blockage pipe detection system which can reduce maintenance cost of blockage pipe. Also, it consists of new features of building fault detection, which is easy to implement and use.

SYSTEM'S FUNCTION

Fig. 1 shows the block system diagram which includes a filter, funnel, sensor housing, light sensor via waste indicator light, primary valve, as well as other components (as illustrated in the drawing). The filter, which is at the bottom of the elbow, comprises a vented plate to allow wastes to travel downward under the force of gravity to the funnel where the waste is directed to a clear tube connected to the bottom of the funnel. [1]




Figure 1 Block System Diagram

The sensor then, sends a signal to the waste indicator light when there is a blockage, causing the special buzzer to alarm (as shown in Fig. 2). Fig. 3 presents an example of a kitchen's wash basin with a drain outlet as one of the applications for this invention [2].





Figure 2 The Detection Components



FWWBET COST OF APPLICATION

Table 1 Cost of Building Waste Water Blockage Maintenance System

Cost Of Building Waste Water Blockage Maintenance For A Medium Apartments (10 Unit Kitchen)			COST (RM)
Inspection (Part A)			
Visual & Typical Inspection (Consultation Fees)			RM50.00
Replacement Of Siphonage Pipe	10 Kitchen		RM100.00
Replacement Of Pipe (Horizontal 40 Mm Pipe)	ISQ= RM 3.50 N 2Metres	10 Kitchen	RM 70.00
Replacement Of Pipe (Vertical 30 Mm Pipe)	ISQ= RM 2.50 N 2Metres	10 Kitchen	RM50.00
Sealants			RM5.00
Transportation			RM100.00
Workmanship	RM40.00 PER Unit	10 Kitchen	RM400.00
Replacement Of Flooring Tiles	RM 2.00 SQM IF 15 SQM FOR 10 Unit	10 Kitchen	RM 300.00
Replacement Ceiling Area	ISQ Meters=RM5.00	15 SQM Per Unit	RM750.00
Overall Cost			RM1855.00

Based on Table 1, the overall cost for the application of this invention is as follows.

- Maintenance Costs RM 1855.00
- Built - Up Detection System

- RM 850.00 (RM 85.00 X 10 Sets)
- Future Maintenance Costs RM 1,005.00 per maintenance

PROS OF FWWBET

FWWBET favours the user in terms of:

- Quick installation and assembling processes
- Less space needed for assembling
- Lightweight items
- Easy installation for the drain pipe outlet
- Less future maintenance
- Less operative maintenance in a longer run

To acquire a good building design requires collaborative work and opinions of experts and professionals from various fields such as architects, interior architects and building services engineer. However, by applying FWWBET, it could be the solution to reduce the costs as well as, a shorter time in maintaining waste water blockage. To add, this invention could offer users an added value in term of value propositions [3]. FWWBET prospective clients may include

- Factories
- Ministry of health
- Ministry of Housing & Development
- Construction Industry, Development Board Malaysia (CIDB).

REFERENCES

- [1] Junaidah Ariffin. 2007. Problem Solving in Fluid Mechanics. University Publication Centre (UPENA), UITM. pg. 32-36.
- [2] Chudley, R. & Greeno, R. 2003. Construction Technologys. 3rd Edition. Pearson Education, Longman. pg. 474-479.
- [3] Dallas, M. F. 2005. Chapter 6: Concepts, standards and qualifications. CIOB Blackwell Publishing. Pg. 117-124.

Writer is a lecturer at the Faculty of Civil Engineering & Earth Resources, UMP.

Wanita lebih ramai daripada lelaki?

Dewasa ini penglibatan wanita dalam pelbagai bidang kehidupan yang selama ini dipelopori oleh kaum lelaki semakin ketara. Bilangan wanita yang berada dalam sektor pekerjaan semakin meningkat dengan menjawat pelbagai jawatan, daripada jawatan perkeranian yang sinonim dengan wanita sehinggalah kepada jawatan tertinggi; pembuat keputusan dan peneraju sesebuah institusi.

Di sektor-sektor tertentu seperti di institusi pendidikan didapati populasi wanita mengatasi lelaki sehinggalah timbul kekusaran di kalangan masyarakat umum tentang jumlah wanita yang dikatakan lebih ramai daripada lelaki. Ketidakeimbangan jantina ini dilihat sebagai satu fenomena yang membimbangkan bahkan perlu segera ditangani.

Tahukah anda bahawa dalam kajian demografik, populasi manusia di dunia ini adalah dalam keadaan seimbang. Mengikut maklumat statistik 2007 di Malaysia, kelahiran bayi mencatatkan jumlah bayi lelaki melebihi bayi perempuan pada nisbah 1.07. Ini bermaksud setiap 100 kelahiran bayi perempuan bersamaan dengan 107 kelahiran bayi lelaki. Namun demikian, pada peringkat usia emas didapati populasi wanita melebihi lelaki. HUSNA HUSNIM setiap 1000 perempuan

bersamaan 789 lelaki. Ini tidak memeranjatkan memandangkan purata umur lelaki Malaysia adalah 72 tahun; lebih rendah berbanding wanita 76 tahun. Manakala pada peringkat umur yang lain, nisbah lelaki sentiasa lebih sedikit berbanding wanita. Kadar perbezaan ini adalah sangat kecil sehinggalah boleh dikatakan bahawa ianya seimbang.

Hakikat wanita bekerja kian bertambah adalah benar. Penyertaan mereka dalam pasaran kerja telah meningkat daripada 37 peratus pada tahun 1970 kepada 46 peratus pada 2008. Dengan jumlah mereka mewakili separuh daripada populasi keseluruhan rakyat tentulah tenaga mereka turut diperlukan bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan. Tambahan pula dalam era globalisasi ini kemajuan ekonomi bukan hanya bergantung kepada sumber asli tetapi banyak bergantung kepada sumber tenaga kerja yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Kelulusan akademik dan kemahiran yang dimiliki oleh wanita menjadi mereka pilihan para majikan untuk menjawat pelbagai jawatan peringkat pengurusan dan profesional. Pada tahun 2008, 27 peratus wanita yang bekerja adalah mereka yang mempunyai kelulusan akademik peringkat tinggi berbanding hanya

17 peratus di kalangan pekerja lelaki. Tidak hairanlah jumlah tenaga kerja wanita di bidang profesional, teknikal, pengurusan dan perkhidmatan terus meningkat dari tahun ke tahun. Manakala di bidang pembuatan, perkilangan dan pertanian peratusannya mencatatkan penurunan.

Pepatah pujangga menyatakan bahawa 'tangan wanita yang menghayun buaian boleh menggoncang dunia' memang tepat dalam situasi sekarang. Peranan mereka dalam mendidik generasi masa hadapan tidak dapat dinafikan merupakan tanggungjawab yang sentiasa menuntut masa dan tenaga yang bukan sedikit. Namun, dalam memikul amanah mendidik anak bangsa, wanita turut tidak mahu ketinggalan dalam memberi nilai tambah kepada ekonomi secara langsung melalui penglibatan mereka dalam pelbagai bidang profesion. Tanpa penglibatan mereka, Malaysia akan kehilangan 30 peratus daripada sumber tenaga kerja yang produktif. Justeru, wanita adalah aset penting kepada negara. Kegigihan dan ketekunan mereka telah melonjakkan kemajuan dan kecemerlangan bangsa dan negara. Syabas wanita!

Penulis adalah pensyarah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP.





Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

CENFED

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
CENTRE FOR CONTINUING EDUCATION & PROFESSIONAL DEVELOPMENT

- ▼ Program Peningkatan Kemahiran IKS/PKS & Kontraktor
- ▼ Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional
- ▼ Kursus Profesional & Jangka Pendek
- ▼ Diploma Eksekutif & Separuh Masa
- ▼ Perkhidmatan Perundingan
- ▼ Sijil Profesional

Tel : 09-549 2628/2652/2086

www.cenfed.ump.edu.my



JKKP



PSMB



MS ISO 9001 : 2009 REG. NO. AR3611



MSC
MALAYSIA
Suruhanjaya Pendidikan



NIOSH
CERTIFICATION
OHSAS 18001:1999
Cert. No. 0-00307



CREATE 2009



Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
UNIT PENERBITAN & GRAFIK
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2501
Faks : 09 549 3199
e-Mel : pro@ump.edu.my